

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
*Ninth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**MESYUARAT KETIGA**  
*Third Meeting*

---

**Jilid II                      Bil. 23                      Hari Selasa                      10hb. Disember 1996**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMILIHAN TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA** (Ruangan )

**MENGANGKAT SUMPAH** (Ruangan )

**UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN  
TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA** (Ruangan )

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA** (Ruangan )

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN** (Ruangan )

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan  
(1996) (N0.2) 1996 (Ruangan )

**USUL:**

Perlantikan Ahli Jawatankuasa Pemilih (Ruangan )

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEMBILAN  
Penggaj Yang Kedua  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)

“ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)

“ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

“ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)

“ Tuan Ding Seling (Dilantik)

“ Tuan Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)

“ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

“ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)

“ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

“ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N.  
(Johor)

Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C.  
(Negeri Sembilan)

“ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P.  
(Dilantik)

- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin, A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)

- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Yim Chee Chong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

## **DEWAN NEGARA**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  Haji Suhor bin Husin

### ***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

**1. Dato' Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rumusan yang dibuat di antara kementerian beliau dengan pihak-pihak berkuasa tempatan bagi mengadakan suatu penyeragaman dalam panduan-panduan dan syarat-syarat mengenai papan-papan tanda bagi seluruh negara.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah di atas perlantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menggubalkan suatu undang-undang kecil iklan untuk digunakan secara seragam oleh semua pihak berkuasa tempatan di Semenanjung Malaysia. Undang-undang kecil tersebut telah diluluskan oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan pada tahun 1987 dan semua pihak berkuasa negeri telah diminta mengarahkan pihak berkuasa tempatan di bawah pentadbiran masing-masing menerimapkannya. Adalah dimaklumkan kebanyakan pihak berkuasa tempatan telah menggunakan undang-undang kecil tersebut

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kuasa mengenai iklan-iklan ini diletakkan di bawah pihak berkuasa tempatan. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, sejak adanya Lebuhraya Utara-Selatan, terdapat kawasan-kawasan yang tidak terletak di bawah mana-mana pihak berkuasa tempatan. Jadi, siapakah yang bertanggungjawab terhadap iklan-iklan ini kerana iklan ini terletak di Lebuhraya Utara-Selatan dan tidak terletak di mana-mana badan berkuasa tempatan. Jadi, pihak manakah yang bertanggungjawab untuk memastikan iklan-iklan ini mengikut panduan seperti yang telah pun diberikan oleh pihak kementerian?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang kecil itu memanglah pihak berkuasa tempatan di dalam setiap kawasan pihak berkuasa tempatan menggunakan dan juga bertanggungjawab untuk melaksanakan undang-

undang tersebut. Jikalau sesuatu kawasan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu di atas lebuh raya, saya rasa kawasan itu memang diuruskan oleh pihak lebuh raya iaitu PLUS atau badan-badan yang berkaitan dengan kuasanya atas lebuh raya itu.

Pihak berkuasa lebuh raya itu pun juga hendak gunapakai undang-undang ini supaya undang-undang ini boleh diterima di seluruh negara sama ada di kawasan pihak berkuasa tempatan atau bandar raya atau lain-lain tempat. Saya rasa tidak ada masalah. Kalau ada masalah berlaku seperti itu kita boleh siasat dan akhirnya kita boleh berhubung dengan pihak berkuasa yang berkenaan supaya kita boleh menyelarasakan hal ini.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Soalan tambahan, bagaimanakah pihak kementerian dapat memastikan penggunaan bahasa rasmi di tempat-tempat yang sesuai di papan iklan? Akhir-akhir ini kita tengok keghairahan tidak mengutamakan bahasa rasmi amat ketara sekali.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bacakan sedikit dalam Seksyen 41 undang-undang kecil tersebut. 41 sebutkan "*Bahasa Malaysia hendaklah digunakan bagi semua iklan sama ada ianya sahaja atau bersama dengan apa-apa bahasa lain*". Ini bermakna undang-undang kecil ini jelas, hanya Bahasa Malaysia digunakan dan kalau ianya digunakan dengan lain-lain bahasa, huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam Bahasa Malaysia itu hendaklah berukuran tidak lebih kecil daripada huruf-huruf atau tulisan-tulisan, perkataan-perkataan dalam bahasa atau bahasa-bahasa yang lain dan ini ditetapkan dalam seksyen 42 dalam undang-undang kecil.

Saya rasa kalau pihak berkuasa menggunakan dua seksyen ini, ia tidak akan menghadapi masalah tentang penggunaan Bahasa Malaysia dalam iklan-iklan di dalam kawasan pihak berkuasa masing-masing.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah praktikal atau tidak, sejak kita merdeka 40 tahun sama ada di bandar atau luar bandar, papan-papan tanda dimestikan dituliskan dalam Bahasa Malaysia bagi menjamin keunggulan rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbagai kaum dan berbilang agama?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Apa yang saya sebutkan tadi dalam undang-undangnya, Bahasa Malaysia itu memang patut dan mesti digunakan tidak boleh tidak ada Bahasa Malaysia kecuali ada satu seksyen sedikit, di mana ia sebut kalau nama syarikat atau firma itu sudah didaftarkan dalam Akta Pendaftaran Perniagaan 1966 atau Akta Syarikat 1965 atau Akta Pertubuhan 1966. Kalau syarikat itu namanya didaftar dalam tiga undang-undang ini, maka ia tidak payahlah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia lagi, sebab ia hanya nama yang didaftarkan.

Oleh sebab itu maka kita adalah salah fikiran atau salah tafsir di mana papan iklan itu adalah nama syarikat yang didaftar dalam tiga akta itu dan akhirnya ada orang sebut, apa sebab nama itu tidak diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia? Dalam undang-undang ia tidak perlu diterjemahkan lagi, sebab ada kuasa dalam undang-undang berkaitan dengan perkara itu. Sekian, terima kasih.

## **PERSEMBAHAN MICHAEL JACKSON - SYARAT YANG DIKENAKAN**

2. **Tuan Tan Soon Lee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa adakah kerajaan mengenakan syarat-syarat khas terhadap penyanyi pop Michael Jackson dalam membenarkan beliau menyampaikan persembahan di negara kita.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, setiap artis asing termasuk Michael Jackson yang dibenar mengadakan persembahan di Malaysia, perlu mematuhi beberapa syarat seperti mengawal tingkahlaku, tutur kata, berpakaian kemas, persembahan yang tidak bercanggah dengan adat kebudayaan masyarakat Malaysia.



**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua sendiri, saya hendak mengambil kesempatan tempat ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia pada hari ini. Tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, adakah syarat-syarat yang disebut oleh pihak kerajaan tadi dikenakan juga oleh Kerajaan Negeri Selangor apabila permohonan untuk mengadakan pertunjukan di Stadium Shah Alam, diminta ataupun ditolak mentah-mentah sahaja dengan tidak ada syarat. Terima kasih.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor tetapi bagi Kerajaan Persekutuan memang kita ada tetapkan syarat-syarat yang jelas kepada pertunjukan Michael Jackson yang dilakukan di Kuala Lumpur supaya ianya tidak bercanggah dengan adat dan kebudayaan dan nilai-nilai kemalaysiaan kita.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Soalan tambahan, adakah syarat yang dikenakan perlu mengambil kira peribadi atau kelakuan peribadi seseorang penyanyi yang diundang dari luar negeri contohnya Michael Jackson. Kita tahu peribadinya, kita semua tahulah tidak payah saya cakap dan kita tahu juga ini melanggar adat dan juga norma-norma tertentu.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang kita kenakan supaya Michael Jackson ini tidak melakukan beberapa perkara memandangkan begitu ramai orang Malaysia minat dengan nyanyiannya dan kita telah dengan jelas memperingatkan bahawa beliau dilarang mempamerkan tindak tanduk kasar dan rakus seperti melonjak-lonjak, menjerti, membaling sesuatu benda kepada penonton dari atas pentas, muka tidak boleh diconteng, tidak boleh bertopeng, tidak boleh cium dan sebagainya.

Kita jelas sekali semua garisan larang mengadakan persembahan tanpa pakaian atau menanggalkan pakaian yang boleh menampakkan kulit semasa mengadakan persembahan, sudah sangat jelas kita beritahu. Maka persembahan itu telah buktikan bahawa beliau memang berdisiplin.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya tengok kementerian hanya mengenakan syarat-syarat kepada yang memberi persembahan, bagaimana dengan penonton- penonton yang buka baju, yang coreng moreng tu? Bagaimana pula syarat yang dikenakan oleh kerajaan? Terima kasih.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang kalau sekiranya penonton begitu ramai, ada di antaranya telah melakukan sesuatu di atas kehendak mereka sendiri, kita susah hendak mengawal. Tetapi, kalau perkara itu berlaku bukan disebabkan oleh sesuatu persembahan itu, maka kita anggap kawalan yang memadai sudah dikenakan.

Bagi penonton yang cuba hendak buka kain ataupun apa [*Ketawa*] saya rasa bukan sahaja mereka tunjukkan di stadium sahaja, mungkin di rumah pun kalau dia pasang radio pun mungkin dia akan tanggalkan baju, itu memang susah bagi kita untuk mengawalnya. [*Ketawa*]

**Seorang Ahli:** Buka kain tidak boleh ya? Buka baju tidak mengapa. [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari.

**Dato' Zainol Abidin bin Johari:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi tahniah di atas perlantikan Yang Berhormat Tan Sri dan perlantikan ini memang tepat pada orangnya yang mempunyai banyak pengalaman sebagai seorang ahli politik yang veteran dan saya yakin dengan panduan Yang Berhormat Tan Sri, Dewan Negara ini akan lebih ceria dan dapat sama-sama membina negara yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 3.

## **HVD - MASALAH PENGAGIHAN FILEM DAN SAHAM KHUSUSNYA BUMIPUTERA**

3. **Dato' Zainol Abidin bin Johari** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah masalah yang dihebohkan berkaitan dengan pengagihan terbitan filem dan saham HVD khususnya bumiputera dan apakah jalan penyelesaiannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas kepada Tan Sri yang telah dilantik selaku Tuan Yang di-Pertua serta rakan-rakan yang lain yang telah dilantik selaku Ahli Dewan Negara yang baru dan juga rakan-rakan yang telah dilantik semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab bersama soalan mengenai perkara yang serupa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong pada 18hb. Disember, 1996, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pengagihan penerbitan filem dan saham HVD khususnya bumiputera telah pun diselesaikan. Kementerian Penerangan telah menjelaskan kedudukan sebenar perkara ini melalui kenyataan akhbar pada 15hb. Mac, 1996.

HVD merupakan salah sebuah syarikat pembekal rancangan televisyen kepada RTM. HVD telah diberikan kontrak oleh kerajaan untuk membekalkan rancangan drama berbahasa Melayu dan berbahasa Cina selama sepuluh jam seminggu dalam jangka masa tiga tahun. Khazanah Holding mempunyai 30% ekuiti dalam syarikat HVD.

### **“SIJIL KESIHATAN BAIK” - SARANAN KEPADA PEKERJA ASING SEBELUM DIBENARKAN BEKERJA**

4. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa banyak jenis penyakit berbahaya yang dibawa masuk ke negara kita oleh pekerja asing dan terdapat juga penyakit yang tidak boleh dirawat. Adakah kementerian beliau akan mewajibkan ke atas semua pekerja asing untuk

menjalani pemeriksaan x-ray dan diperiksa secukupnya oleh doktor-doktor kerajaan dan mereka ini hanya boleh dibenarkan bekerja selepas diberikan “Sijil Kesihatan Baik” oleh doktor-doktor.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato’ M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Dato’ Dr. T. Marimuthu yang akan dijawab pada 18hb. Disember, 1996 kerana ianya menyentuh perkara yang sama.

Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa pekerja asing berpotensi untuk membawa masuk penyakit berjangkit termasuk penyakit yang tidak boleh dirawat.

Kementerian Kesihatan telah pun mengambil beberapa langkah untuk memastikan hanya pekerja yang sihat dan bebas dari penyakit berjangkit dibenarkan datang bekerja di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, Kementerian Kesihatan sedang melantik beberapa klinik atau hospital di negara asal pekerja untuk memeriksa pekerja yang ingin datang bekerja di Malaysia. Pemeriksaan penuh, full medical examination, dengan izin, ini merangkumi pemeriksaan fizikal, pemeriksaan darah, pemeriksaan air kencing dan pemeriksaan x-ray.

Di samping itu juga, pemeriksaan perubatan tahunan adalah wajib bagi setiap pekerja asing semasa di Malaysia.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, merujuk kepada laporan the New Straits Times pada hari Khamis, 17hb. Oktober, 1996, adakah Kerajaan Malaysia bercadang menggubal satu undang-undang khusus bagi mengharamkan penghidap HIV/AIDS masuk ke negara ini secara sah, sebagaimana yang dilaksanakan di negara lain seperti Arab Saudi.

**Dato’ M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian tidak ada cadangan seperti itu.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri di atas perlantikan ini. Soalan tambahan,

adakan virus aebola atau penyakit aebola daripada Benua Afrika juga antara penyakit yang merbahaya dibawa masuk ke negara kita oleh pekerja asing dan kalau ia, berapa jumlahnya?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak ada apa-apa kes aebola di negara kita ini.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah dan soalan tambahan saya ialah berapakah kos yang telah pun dibiayai oleh kerajaan terhadap pekerja asing yang sungguhpun telah diperiksa dari segi kesihatannya, tetapi masih ditimpa oleh penyakit di negara kita ini dan kalau kos itu tinggi, apakah langkah-langkah kerajaan untuk menentukan supaya kos ini dapat disumbang juga dari segi pembiayaan oleh pekerja itu sendiri?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1994 hingga bulan September, 1995 dianggarkan sejumlah 40,756 pesakit warga asing termasuk pendatang asing telah mendapat kemudahan kesihatan di hospital kerajaan bagi pesakit-pesakit dalam sahaja. Mulai 13hb. Januari, 1994 di bawah Perintah Fee Perubatan (Pindaan) 1994, kerajaan telah melaksanakan kadar bayaran yang berbeza dengan rakyat Malaysia kepada rakyat asing secara am. Caj pesakit luar dan caj wad bagi rakyat asing adalah dua kali ganda caj yang dikenakan kepada rakyat Malaysia. Tidak ada jumlah kos yang kita biayai.

#### **PROGRAM (SKIM) MENGURANGKAN GOLONGAN TERMISKIN DI SARAWAK - HASIL PELAKSANAAN**

5. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan skim-skim yang berjaya dilaksanakan bagi mengurangkan golongan termiskin di negeri Sarawak. Apakah langkah yang dibuat oleh Yayasan Pembasmi Kemiskinan Negara setakat ini menampakkan hasil yang positif atau sebaliknya.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]:**  
Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini,

mengikut bancian terbaru jumlah rakyat termiskin di negeri Sarawak kini berjumlah 9,053 keluarga. Dan sepuluh daerah yang mempunyai keluarga termiskin tertinggi merupakan 61.6% daripada jumlah keluarga termiskin bagi seluruh negeri Sarawak terutamanya di daerah Betong, Saratok, Samarahan, Lundu, Serian, Simunjan, Bau, Tatau, Bintulu dan Meradong.

Program-program yang telah dijalankan dan telah menunjukkan tahap keberkesanan yang memuaskan termasuklah antara lain:

- (i) program pemulihan rumah-rumah;
- (ii) Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS);
- (iii) rancangan amalan pemakanan dan makanan;
- (iv) program peningkatan ekonomi kampung, projek industri kampung, program PPRT bagi pertanian bersepadu dan sebagainya termasuk juga program Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB-PPRT).

Adalah menjadi dasar kerajaan untuk mempertingkatkan penglibatan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) terutamanya Yayasan Basmi Kemiskinan, tetapi setakat ini bagi negeri Sarawak belum lagi mewujudkan Yayasan Basmi Kemiskinannya yang tersendiri, kecuali negeri Selangor, Kelantan, Perak dan akhir-akhir ini Pahang.

Kerajaan akan terus memberikan galakan sekiranya ada pihak NGO yang berkemampuan dalam melaksanakan program pembasmian kemiskinan sepertimana yang telah kerajaan amanahkan kepada badan-badan, termasuk Amanah Ikhtiar Malaysia yang dalam Rancangan Malaysia Keenam telah membelanjakan kira-kira RM77.1 juta yang memberi manfaat kepada 36,200 isi keluarga dan bagi negeri Sarawak, kita telah pun berbincang dan mengarahkan supaya Amanah Ikhtiar Malaysia memulakan operasi di negeri Sarawak mulai tahun 1997.

**Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah bilangan rakyat termiskin bumiputera dan bukan bumiputera yang telah mendapat faedah dari Rancangan Skim PPRT?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Bagi Negeri Sarawak sahaja, jumlah yang telah menerima berbagai-bagai bentuk ataupun berbagai-bagai skim yang disediakan ialah sebanyak 43,795 keluarga.

**Dato' Haji Zainol Abidin bin Johari:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan mengikut penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, bahawasanya ASB, ia juga bertanggungjawab tentang ASB (Amanah Saham Bumiputera). Saya difahamkan bahawa Amanah Saham Bumiputera untuk bekas tentera (Force 136) telah pun diberi di negeri Kelantan sebanyak RM500 seorang. Saya ingin meminta penjelasan, sama ada ASB ini dapat dipanjangkan kepada Force 136 yang datang dari negeri Pahang, yang masih belum di terima lagi.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Skim ASB - PPRT sebenarnya tidak dikhususkan kepada sesiapa, asalkan mereka itu termasuk dalam daftar keluarga termiskin yang telah disediakan oleh kerajaan. Sesiapa sahaja yang namanya terdapat di dalam daftar tersebut dan disahkan sebagai tergolong dalam golongan termiskin dilayakkan untuk menerima bantuan ini.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tahniah kepada kementerian ini sebab tidak putus-putus membantu rakyat Malaysia di Sabah. Pun demikian, saya ingin penjelasan, adakah tambahan ataupun peruntukan daripada 3,750 untuk PPRT - projek perumahan kepada 5,995 pada tahun ini dan adakah ini akan ditambah lagi terutama di kawasan-kawasan pedalaman, sebagai contoh, satu tempat di negeri Sabah dari Kota Kinabalu ke Keningau -126 kilometer, dengan kos yang sama, dan daripada Keningau ke Pensiangan dengan jarak sejauh 280 kilometer, apakah ada

pertimbangan untuk menambahkan peruntukan yang telah disediakan untuk PPRT ini, terutama bahagian perumahan.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita maklum, kadar baru pembinaan rumah PPRT baru sahaja kita naikkan beberapa bulan dan sedang dilaksanakan dan bagi negeri Sabah, jumlah yang tinggi itu dinaikkan kerana telah pun mengambil kira kos pembinaan yang lebih tinggi dan kesukaran perhubungan dan sebagainya.

Tumpuan utama kementerian sekarang ialah untuk memastikan peruntukan yang disediakan itu dapat dibelanjakan dengan baik dan sempurna, terutama sekali memastikan ianya sampai ke kumpulan sasar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian hampir menyiapkan banciaan terbaru dan bagi negeri Sabah, kita mempunyai kira-kira 15,000 keluarga yang dikenali masih berada dalam tahap termiskin dan saya telah meminta kerajaan negeri dengan kerjasama semua pegawai daerah untuk menyiapkan satu pelan tindakan yang komprehensif bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program ini, terutamanya di negeri Sabah, antara negeri yang paling tinggi jumlah rakyat termiskin yang masih ada.

#### **PROGRAM RAKAN MUDA - JUMLAH PENGLIBATAN/KEBERKESANANNYA**

6. **Tuan Haji Othman bin Yunus** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:
- (a) berapa ramaikah belia-belia kita yang telah melibatkan diri di dalam Program Rakan Muda hingga akhir bulan November, 1996; dan
  - (b) sejauh manakah keberkesanan atas penglibatan belia-belia kita di dalam program tersebut.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30hb. November, 1996, seramai lebih kurang 1,400,000 anak-anak muda telah mendaftar untuk menyertai aktiviti-aktiviti pelbagai gaya hidup Rakan Muda. Dari



jumlah pendaftaran ini, seramai lebih kurang 1,233,000 telah pun berpeluang mengikuti lebih kurang 14,500 aktiviti-aktiviti gaya hidup Rakan Muda yang dijalankan diseluruh negara.

Dari segi keberkesanan atas penglibatan belia-belia kita dalam program tersebut, penerapan nilai-nilai positif seperti perpaduan dan muhibah, akhlak yang mulia, semangat berpasukan, ketatanegaraan dan juga kemasyarakatan serta perspektif hidup yang selaras dengan keperluan sosial dan ekonomi negara telah diterapkan melalui modul-modul yang terkandung dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Keberkesanan program Rakan Muda dapat dilihat melalui kejayaannya menarik minat anak muda Malaysia menyertai aktiviti-aktiviti gaya hidup Rakan Muda secara berterusan dan sekali gus ia dapat membantu menghindarkan dari aktiviti-aktiviti dan kelakuan negatif.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Memandangkan akhir-akhir ini terlalu ramai remaja terlibat dengan gejala sosial, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan program khusus untuk mereka ini?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah mengadakan pelbagai program untuk golongan belia atau remaja yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ataupun gejala yang tidak sihat, termasuk program Latihan Perdana Belia dan juga Program Khidmat Sosial Negara yang akan kita adakan selepas kita membuat kajian yang mencukupi dan mengadakan satu komiti supaya semua agensi kerajaan termasuk NGO dan PIBG-PIBG sekolah akan diminta memainkan peranan.

Jadi, program-program ini semua adalah program yang khusus untuk golongan-golongan belia atau remaja yang kita bimbang mereka akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ataupun gejala-gejala sosial yang tidak sihat.

7. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa ramaikah rakyat termiskin yang tergolong dalam skim PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin) mengikut Negeri, berapa ramaikah yang sudah diberikan peluang melabur dalam skim ASB (Amanah Saham Bumiputera); dan
- (b) sudahkah matlamat asal program ini tercapai dalam objektif membanteras kemiskinan dan adakah mekanisma baru yang diprogramkan untuk skim PPRT.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan mengenai PPRT lagi. Ini hampir sama sebenarnya. Sukacita saya menjelaskan di sini, jumlah rakyat termiskin mengikut bancian terbaru, mengikut negeri seperti yang ditanya adalah seperti berikut:-

NEGERI	JUMLAH KELUARGA
Johor	1,192
Kedah	5,650
Kelantan	12,874
Melaka	428
Negeri Sembilan	546
Pahang	1,459
Pulau Pinang	605
Perak	3,145
Perlis	1,004
Selangor	1,284
Terengganu	8,634
<b>Jumlah (Di Semenanjung)</b>	<b>36,821</b>
Sarawak	9,053
Sabah	15,977

Mengenai jumlah yang telah diberikan bantuan ataupun skim ASB - PPRT, jumlah kesemua sekali ialah seramai 149,596 orang yang telah mendapat manfaat setakat 30hb. September, 1996 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM747.98 juta.

Matlamat asal program untuk pembasmian kemiskinan masih belum dapat dicapai sepenuhnya dan kerajaan sedang giat menjalankan pelbagai program dengan

menggunakan berbagai-bagai pendekatan baru bagi memastikan peningkatan keberkesanannya.

Kerajaan berhasrat dengan menggunakan pendekatan yang baru ini matlamat untuk membawa taraf jumlah rakyat termiskin dalam negara ke tahap 0.5% ataupun ke tahap yang dianggap sifar dapat dicapai menjelang tahun 2000. Selain daripada itu kerajaan akan memberikan tumpuan kepada 5 buah negeri dengan jumlah rakyat termiskin paling ramai terutama sekali Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Kedah. Selain daripada itu juga kementerian akan mula memberikan tumpuan kepada masalah kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli dan juga masyarakat yang tinggal di kawasan estet.

**Datuk Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya soalan yang ingin saya tanyakan ini, ditanyakan oleh rakan-rakan saya dari kaum Cina ataupun kaum India. Tetapi di atas keyakinan saya bahawa kemiskinan tidak mengenal kaum.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian mempunyai rancangan skim PPRT melalui Amanah Saham Wawasan untuk orang Cina ataupun orang India yang terdiri dari golongan yang termiskin?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** ASW 2020 adalah terbuka untuk semua dan ia tidak menjadi sebahagian daripada program PPRT buat masa ini.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa program PPRT dilancarkan ada satu skim yang dinamakan Skim Penempatan ataupun pemberian rumah kepada peserta-peserta yang terdiri dari keluarga termiskin. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berapa bilangan keluarga yang telah pun mendapat bantuan perumahan ini di negara kita dan adakah skim ini akan diteruskan pada masa-masa yang akan datang?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Skim pemulihan rumah sama ada pemberian rumah baru dan juga pembahagian rumah sama ada secara individu ataupun secara penempatan semula masih merupakan satu program utama, tinggal lagi kerajaan menggalakkan keutamaan kepada program penempatan semula secara berkelompok.

Mengenai jumlah angka yang telah menerima skim ini, saya akan berikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat, insya-Allah.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah termiskin di negeri Sabah ini, 3 tahun dari sekarang jumlah 15,077 ini berapa bakinya?

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Ia amat bergantung kepada orang Sabah sendiri. Apa yang akan kita lakukan ialah kita memberikan keutamaan kepada Sabah dan Sarawak dan kita menetapkan bagi kesemua negeri, matlamatnya ialah untuk mengurangkan jumlah sehingga kepada tahap semua yang berkeupayaan mendapat jenis bantuan tertentu yang boleh memastikan mereka mempunyai pendapatan melepasi garis pendapatan termiskin. Kita berharap pada tahun 2000 yang masih berbaki tinggal hanyalah mereka yang jatuh ataupun ditimpa kemelaratan hanya kerana tua, uzur atau cacat sahaja, sementara yang mampu bekerja kita harap kesemua sekali Yang Berhormat dapat diserapkan di bawah Program PPRT dalam tempoh 4 tahun daripada sekarang.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Dari jumlah atau bilangan peserta PPRT seperti yang dinyatakan tadi mengikut negeri-negeri, sejauhmanakah kerajaan dapat mengesan bahawa rakyat termiskin itu tidak terdiri daripada pendatang-pendatang tanpa izin atau pendatang-pendatang haram.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Perangkaan yang saya baca hanyalah rakyat Malaysia sahaja, tetapi tidak termasuk pendatang tanpa izin, kecuali kalau mereka

memiliki kad pengenalan palsu yang tidak dapat kita trace. Tetapi statistik yang kita ambil ini hanyalah berasaskan kepada jumlah rakyat ataupun warganegara Malaysia sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan N. Marimuthu, kita banyak soalan ini.

**Tuan N. Marimuthu:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas perlantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8

### **PELABUR MALAYSIA DI LUAR NEGARA - TENTANGAN NEGARA EROPAH DAN AUSTRALIA**

**8. Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi tentangan yang diberikan oleh segelintir negara Eropah dan Australia terhadap pelabur-pelabur Malaysia di luar negara. Nyatakan juga langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti mutu barangan dan perkhidmatan pengeluaran negara kita pada masa ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk**

**Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi tentangan yang diberikan oleh segelintir negara-negara Eropah dan Australia terhadap pelabur Malaysia dan di antaranya seperti berikut:

- (i) mengambil kesempatan dari pertemuan-pertemuan dengan ketua negara di mana Malaysia mempunyai pelaburan untuk menerangkan mengenai isu-isu yang ditimbulkan;
- (ii) menasihatkan pelabur-pelabur dari Malaysia supaya mengekalkan etika dan amalan perniagaan yang baik dan mematuhi undang-undang negara di mana pelaburan di buat; dan
- (iii) mengambil kesempatan dari forum-forum antarabangsa yang dihadiri untuk menjelaskan isu-isu menyentuh pelaburan Malaysia di luar negeri.

Pelabur-pelabur Malaysia sebenarnya mempunyai kebolehan serta keupayaan dari segi teknologi, kemahiran dan kewangan yang setanding dengan syarikat asing di luar negara. Kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh syarikat-syarikat Malaysia di luar negara telah menimbulkan rasa kurang senang oleh setengah-setengah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan mutu barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat di negara ini. Di antara usaha-usaha yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) memperkenalkan program Enterprise 50 anjuran SMIDEC, Anderson Consulting dan Business Times. Program ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing syarikat tempatan melalui teknologi pengeluaran yang lebih berkesan, barangan keluaran yang berkualiti dan teknik pemasaran yang agresif;
- (ii) galakan melalui pengiktirafan ISO9000 kepada industri-industri. Sehingga Oktober 1996 sejumlah 922 organisasi telah mendapat pengiktirafan ISO9000 dari SIRIM;
- (iii) galakan melalui pengiktirafan kecemerlangan kualiti Anugerah Perdana Menteri, Anugerah Kecemerlangan MITI dan galakan Kumpulan Kawalan Kualiti (QCC); dan
- (iv) kursus yang meliputi bidang Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), dengan izin, Keselamatan Perusahaan dan Kumpulan Kawalan Kualiti (QCC) dengan izin.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur Malaysia di negara-negara asing ialah kerana wujudnya satu pakatan antara media-massa negara-negara asing ini bagi mencemuh dan memburuk-burukkan keadaan negara kita dan juga syarikat-syarikat

kita. Jadi, apakah tindakbalas yang diambil oleh pihak kementerian bagi menentukan media-massa asing Barat ini dapat mengurangkan tohmah-tohmah yang tidak mempunyai asas ini?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya media-massa luar negeri yang cuba menghitam-hitamkan nama syarikat-syarikat Malaysia itu tidak banyak, cuma satu dua di negara Solomon Ireland ataupun di Australia sahaja. Kerajaan telah mengambil langkah yang positif untuk menerangkan perkara-perkara ini di negara-negara tersebut dan kesannya adalah baik.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar pelabur-pelabur Malaysia juga menghadapi beberapa masalah apabila melabur di negeri China oleh kerana undang-undang mereka kurang jelas? Jika benar, bagaimana kerajaan kita membantu pelabur-pelabur ini?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, di antara lebih kurang 800 syarikat-syarikat yang melabur di negeri China itu cuma satu, dua yang menghadapi masalah dan merujuk kepada kementerian ini. Dan kementerian saya telah mengambil langkah yang segera untuk menyelesaikan perkara-perkara ini. Selain daripada itu, saya tidak mendengar ada apa-apa aduan.

#### PERUNTUKAN KEWANGAN UNTUK PENJARA

9. **Tuan Low Kai Meng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah penjara di negara kita menghadapi masalah kelebihan banduan? Apakah peratusan banduan asing. Berapakah jumlah wang yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada penjara-penjara ini setiap tahun; dan
- (b) berapa orangkah yang masih ditahan dalam negara kita sehingga kini? Di kem manakah mereka ditempatkan? Mereka ditahan di bawah undang-undang atau akta apa?

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 30hb. November 1996, terdapat seramai 23,854 orang penghuni penjara berbanding dengan had muatan seramai 21,060 tempat bagi penjara-penjara di seluruh Malaysia iaitu melebihi seramai 2,794 orang. Daripada 23,854 orang penghuni penjara, 23.52% adalah terdiri daripada banduan asing. Jumlah peruntukan kerajaan diberi kepada Jabatan Penjara Malaysia bagi tahun 1994 hingga 1996 adalah seperti berikut:

(i)	Tahun 1994	-	RM137,308,842
(ii)	Tahun 1995	-	RM143,159,900
(iii)	Tahun 1996	-	RM155,323,000

- (b) Sehingga 30hb. November 1996, terdapat seramai 5,611 orang banduan asing masih ditahan di seluruh Institusi Penjara Malaysia atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen, di bawah Akta Pendaftaran Negara, Akta Dadah Merbahaya, Akta Senjata Api, Akta Perikanan, Kanun Keseksaan dan lain-lain akta.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Soalan tambahan, peratusan banduan asing dikatakan 23.52% adalah merupakan satu peratusan yang tinggi. Adakah kerajaan terus bercadang untuk memasukkan mereka ke dalam penjara atau mencari jalan lain untuk menyelesaikan masalah ini seperti hantar mereka terus balik?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan, banduan ini merupakan orang yang telah disabit kesalahan iaitu telah dihukum oleh mahkamah. Maka, dia mesti masuk penjara sebagai hukuman, tidak boleh kita hantar balik kerana dia telah disabitkan. Mungkin Yang Berhormat sebut tentang pendatang tanpa izin yang ditangkap tanpa didakwa di mahkamah, itu adalah perkara yang lain iaitu kira-kira ada 8,000 lebih di depot-depot Imigresen di Semenanjung Malaysia, itu bukan dalam penjara. Tetapi yang kategori itulah pendatang tanpa izin ditangkap, kita sentiasa usir dari masa ke semasa. Kita tidak simpan mereka kerana memerlukan perbelanjaan daripada wang kerajaan.

#### **PERLUMBAAN HARAM - JUMLAH KES, KEMATIAN DAN TUJUANNYA**

10. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:
- (a) sepanjang tahun 1996, berapakah kes perlumbaan haram dikenal pasti dan berapa insiden kematian yang berlaku akibat dari perlumbaan tersebut; dan
- (b) adakah perlumbaan haram ini diadakan bertujuan untuk suka-suka atau dianjurkan oleh golongan tertentu bagi tujuan judi dan sebagainya.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian;

- (a) Sepanjang tahun 1996 hingga Oktober, sebanyak 151 kes perlumbaan haram dikesan dan seramai 3 orang telah mati akibat daripada perlumbaan tersebut.
- (b) Perlumbaan haram ini ada yang bertujuan untuk suka-suka dan ada juga yang dianjurkan bagi tujuan perjudian.

Bagi kes perlumbaan yang bersuka-suka, perlumbaan sebegini biasanya dijalankan di tengah-tengah bandar dan di tengah-tengah kesibukan lalu-lintas. Ini semata-mata bertujuan untuk menunjuk-nunjuk dan menarik perhatian orang ramai tanpa menyedari keselamatan diri dan orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perlumbaan haram yang dianjurkan untuk tujuan perjudian, ingin saya menegaskan di sini iaitu biasanya ianya diadakan di tempat-tempat terpencil dan akan dijalankan pada jauh malam. Perlumbaan kategori ini mempunyai tempat mula dan tamat. Unsur-unsur perjudian memang wujud di kalangan



penganjur. Cara perjudian yang dijalankan terpulang kepada pihak penganjur yang menentukan perlumbaan haram ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ramainya anak-anak muda kita yang ingin melepaskan wang, melepaskan 'frustration', dengan izin, di dalam perlumbaan-perlumbaan yang haram ini, apakah pihak kerajaan bercadang untuk menghalalkan dengan mewujudkan satu kawasan tempat kita lepaskan mereka untuk berlumba seperti basikal, kereta, dan motosikal? Jadi, kalau adanya, dengan izin, safety valve maknanya kawasan-kawasan, poket-poket yang tertentu kita lepaskan mereka ini, kita isytiharkan tempat mereka untuk berlumba. Jadi, tidak payah mereka berlumba di tempat-tempat yang kita takrifkan sebagai haram ini.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya kurang pasti sama ada perlumbaan haram ini akibat ataupun satu ekoran daripada 'venting frustration' seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Tetapi, walau bagaimanapun, Kementerian saya telah menerima cadangan iaitu satu tapak diwujudkan supaya mudamudi kita mempunyai satu tempat supaya mereka dapat berlumba dengan cara yang sah.

Tetapi setakat ini, Kementerian saya masih meneliti cadangan ini dan saya percaya tidak lama lagi kemungkinan kita akan dapat mengenal pasti sama ada cadangan ini akan diadakan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini banyak sangat motosikal yang berkuasa sangat tinggi seperti Harley-Davidson. Jadi, apabila dia lalu di jalan-jalan raya seperti di jalan sebelah negeri Pahang hari minggu yang lalu, saya balik dari Pahang ke sini, lapan buah motor Harley-Davidson ini dia memotong kereta saya yang had lajunya 80 sahaja. Dia potong zoom, zoom, zoom, saya tengah tidur terjaga. Jadi, adakah pihak kerajaan berfikir yang Harley-Davidson sekarang ini jadi 'raja jalan'?

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Dato' Aziz ada sebut kata...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Mohd. Zuki.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** ... dia kata tertidur, adakah bermakna dia memandu dalam masa tidur? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana pula memandu kalau tidur *[Ketawa]* ini satu soalan tambahan yang tidak payah jawablah. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya cukup seronok bila tengok Tuan Yang di-Pertua senyum sahaja *[Ketawa]* jadi, inilah orang lama ini dia ada satu benda yang menyejuk dan menyegarkan kita. Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, tahniah. *[Ketawa]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Acah saya tidak guna. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, jadi adakah pihak kerajaan sedar ataupun adakah pihak Polis Trafik berkemampuan untuk mengejar atau menahan motosikal yang berkuasa amat tinggi ini dan

bunyinya amat bising ini? Di seluruh negara sekarang ini termasuk yang berada pun menggunakan motosikal berkuasa besar. Saya pun teringin tetapi sebab banyak sangat dekat jalan, umur pun sudah tua sedikit, jadi biarlah orang muda. Jadi, saya hendak tanya pihak kerajaan, apakah tindakan yang diambil setakat ini? Terima kasih.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat permulaan saya pun rasa keliru sedikit, siapa hendak jawab, siapa hendak tanya pula. *[Ketawa]* Sebab Yang Berhormat tadi tanya pun, dia jawab.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pada amalan biasanya mengikut kajian Kementerian Pengangkutan, penunggang-penunggang motosikal yang bercorak Harley-Davidson ini amat kurang jika dibandingkan dengan motosikal-motosikal yang berkuasa rendah sedikit yang terlibat dalam perlumbaan haram sebab seperti yang kita semua maklum, semua motosikal berkuasa tinggi bercorak Harley-Davidson ini memang cukup mahal. Dan penunggang-penunggang motosikal memang lebih berjaga sebab jika terlibat dalam 'accident' atau kemalangan, memang motosikal yang begitu mahal melebihi RM35,000 ini akan pergi macam itu sahajalah.

Tetapi walau bagaimanapun, saya percaya Polis DiRaja Malaysia yang selalu meronda di jalan raya memang mampu mengawal keadaan ini. Kalau tidak, saya boleh tanya Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri yang duduk di belakang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Hamzah bin Mohamed Zain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ada satu perkembangan yang agak paradoxical, iaitu dari satu segi kita sekarang ini sedang mengeluarkan kereta berkuasa tinggi sports car. Malahan kita sendiri telah membeli Lotus untuk mengeluarkan Lotus - saya pun tak tahu nama, S-pree, LC dan sebagainya. Dan juga ada sebuah lagi syarikat Malaysia yang juga mengeluarkan kereta sports yang akan dipindahkan balik ke Malaysia. Jadi, pada satu segi kita mengeluarkan kereta berkuasa tinggi yang mempunyai kelajuan yang tinggi, dan di satu segi lagi kita tidak mahu kelajuan di jalan raya kita. Bagaimanakah kita hendak reconcile ini, di mana mereka hendak berlumba apabila kereta ini banyak di jalan raya esok?

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin dengan perubahan di kalangan motor sports ini kita dapat melihat memang benarlah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, oleh kerana kita ada syarikat tempatan ataupun syarikat Malaysia telah berjaya menguasai mengambil alih sebuah syarikat yang membuat kereta Lotus, kereta yang agak laju bila dibawa di jalan raya dan termasuk juga motor-motor sports yang akan dikeluarkan. Saya percaya Kerajaan Pusat mungkin mempunyai cadangan pada satu hari kelak akan mempunyai kemudahan-kemudahan supaya kereta-kereta yang berkuasa tinggi dapat dibawa di jalan raya dengan lebih laju pada had laju yang diadakan sekarang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah mencukupi. Kita pergi kepada agenda yang lain.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.11 hingga 54 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## USUL

### Perlantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara, saya mencadangkan Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Kedua, Parlimen Kesembilan:

- (i) Y.B. Datuk Chong Kah Keat
- (ii) Y.B. Datuk Rahim bin Baba
- (iii) Y.B. Tuan Low Kai Meng, dan
- (iv) Y.B. Tuan Ding Seling.”

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu usul di atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara, saya mencadangkan Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Kedua, Parlimen Kesembilan:

- (i) Y.B. Datuk Chong Kah Keat
- (ii) Y.B. Datuk Rahim bin Baba
- (iii) Y.B. Tuan Low Kai Meng, dan
- (iv) Y.B. Tuan Ding Seling.”

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1996) (NO. 2) 1996

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.45 ptg.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Yang Disatukan

untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan bagi peruntukan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM1,571,984,155 dikeluarkan daripada Kumpulanwang Yang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual kepada rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1996 ada berjumlah RM1,657,984,155 daripada jumlah ini sebanyak RM1,571,984,155 diminta diluluskan di bawah Fasal II rang undang-undang ini, manakala bakinya sebanyak RM86 juta adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal II rang undang-undang tersebut ada seperti berikut: Tambahan sebanyak RM300 juta di bawah Maksud B.29, Perkhidmatan Am Perbendaharaan sebagai sumbangan kerajaan kepada Tabung Makanan yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia.

Tambahan sebanyak RM299.4 juta di bawah Maksud B.26, Kementerian Pendidikan untuk membiayai penyelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM294.2 juta di bawah Maksud B.34, Kementerian Kesihatan, yang mana sebanyak RM291.8 juta untuk membiayai penyelarasan gaji dan elaun kakitangan awam dan sebanyak RM2.4 juta untuk pembelian peralatan makmal kawalan mutu makanan bagi mengesan sisa toksid pada makanan segar dan mudah rosak.

Tambahan sebanyak RM243.6 juta di bawah Maksud B.36 Polis Diraja Malaysia untuk membiayai penyelarasan gaji dan elaun kakitangan awam dan anggota polis.

Tambahan sebanyak RM77 juta di bawah Maksud B.19, Kementerian Pertanian untuk membiayai penyelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM61.3 juta di bawah Maksud B.51, Kementerian Luar Negeri untuk membiayai sumbangan kerajaan kepada badan pertubuhan antarabangsa dan negara tertentu.

Tambahan sebanyak RM57.4 juta di bawah Maksud B.48, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, di mana sebanyak RM11.1 juta untuk menjelaskan pinjaman Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) kepada Kerajaan Persekutuan, dan sebanyak RM46.3 untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan badan-badan berkanun di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tambahan sebanyak RM36.9 juta di bawah Maksud B.43, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk membiayai perbelanjaan berikut: sebanyak RM15.9 juta untuk pelarasan gaji dan elaun kakitangan. Sebanyak RM16 juta untuk bayaran kenaikan kadar cukai tanah Kerajaan Persekutuan di Perak, Melaka dan Negeri Sembilan, dan sebanyak RM5 juta untuk kerja-kerja ukur sempadan antarabangsa Malaysia-Indonesia bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Tambahan sebanyak RM30 juta di bawah Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri untuk pemberian geran pelancaran bagi penubuhan Multimedia Development Corporation (MDC).

Tambahan sebanyak RM29.8 juta di bawah Maksud B.31, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM24.4 juta di bawah Maksud B.16, Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM20 juta di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun untuk menampung keperluan Kumpulanwang Pendahuluan Diri Pegawai-pegawai Awam.

Tambahan sebanyak RM15.9 juta di bawah Maksud B.47, Kementerian Pengangkutan membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM14.5 juta di bawah Maksud B.28, Perbendaharaan untuk membiayai perbelanjaan berikut: sebanyak RM10.1 juta untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangannya. Sebanyak RM4.4 juta untuk perkhidmatan juruperunding berhubung pembelian pesawat FE-18D.

Tambahan sebanyak RM9.4 juta di bawah Maksud B.37, Jabatan Imigresen untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM8.7 juta di bawah Maksud B.32, Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM8.3 juta di bawah Maksud B.46 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM7.3 juta di bawah Maksud B.9 Jabatan Perangkaan untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM7.1 juta di bawah Maksud B.39 Jabatan Pendaftaran Negara untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM5.5 juta di bawah Maksud B.42 Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM4.9 juta di bawah Maksud B.18 Kementerian Perusahaan Utama untuk membiayai pembayaran terakhir sistem komputer iaitu Sistem Maklumat Hutan Negara, Jabatan Perhutanan Semenanjung dan peningkatan serta pelaksanaan geography information system, remote sensing an integrated information system, Jabatan Perhutanan Sarawak.

Tambahan sebanyak RM3.4 juta di bawah Maksud B.11 Badan Pencegah Rasuah untuk membiayai pelarasan gaji dan elaun kakitangan awam.

Tambahan sebanyak RM3.4 juta di bawah Maksud B.35 Kementerian Dalam Negeri untuk perbelanjaan mengurus Pasukan Petugas Pekerja-pekerja Asing yang telah ditubuhkan bagi memproses permohonan mengambil pekerja asing.

Tambahan yang lain sebanyak RM5,175,355 adalah dikehendaki untuk membiayai pelbagai perkhidmatan di bawah Maksud B.1 Parlimen, B.6 Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, B.10 Jabatan Peguam Negara, B.15 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, B.23 Jabatan Arkib Negara dan B.24 Jabatan Muzium dan Antikuiti.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1996 adalah seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 Tahun 1996 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22A Tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Ya, dipersilakan.

**3.54 ptg.**

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang bangun untuk membahaskan suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1996 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya lanjutkan, saya rasa sesuai dan tepat masanya saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua bagi pihak yang belum lagi menyatakan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas lantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Presiden kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong akta ini yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1996) (No. 2) 1996. Dengan menyokong akta ini, saya ingin juga bercakap sedikit sebanyak mengenai beberapa aspek dalam rang undang-undang ini. Mengikut Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, kebanyakan nampaknya peratusan besar peruntukan baru tambahan ini adalah bagi gaji dan elaun bagi perkhidmatan awam. Saya sangat-sangat sukacita menyokong tambahan ini kerana ini merupakan pemberian yang begitu menggunakan 'merit', kerana kita tahu bahawa perkhidmatan awam di Malaysia ini walaupun banyak yang mengatakan begitu dan begini, yang kurang baik, tetapi sebenarnya kalau kita bandingkan dengan perkhidmatan di negara-negara jiran, perkhidmatan dan pegawai-pegawai kita adalah merupakan yang mempunyai kewibawaan. Oleh itu, saya sebagai ahli Dewan yang mulia ini dengan begitu sukacita menyokong rang undang-undang ini untuk memberi 'token', dengan izin, kepada pegawai-pegawai dalam semua kementerian dan jabatan yang 'merit' untuk diberi gaji ataupun bonus yang telah pun diluluskan oleh kerajaan. Itulah sebagai komen am saya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin juga untuk menyentuh sedikit sebanyak mengenai beberapa aspek dalam Jadual. Dalam B.9 iaitu peruntukan tambahan RM7,292,000 untuk Jabatan Perangkaan. Saya ingin memberi sokongan khas mengenai perkara ini dan juga ingin merayu supaya Jabatan Perangkaan juga merancang supaya lebih banyak lagi pegawai-pegawai yang berkewibawaan. Maksud saya, mereka yang sudah ada sekarang bukan tidak berkewibawaan, tetapi maksud saya supaya lebih lagi pegawai-pegawai yang memungut perangkaan-perangkaan dalam negara kita ini supaya apa yang ada, yang dimasukkan ke dalam komputer ataupun yang dicetak dalam buku-buku dari Jabatan

Perangkaan adalah begitu tepat dan boleh dipercayakan. Saya sebut perkara ini kerana ada juga perangkaan-perangkaan yang tertentu, misalnya mengenai perkara kemiskinan yang boleh dipertikaikan dari segi bilangan mereka yang miskin dan layak untuk diberi bantuan ataupun diberi perkhidmatan khas kepada kerajaan.

Saya bercakap sebagai seorang dari negeri Sarawak di mana ramai penduduk kita adalah jauh dari bandar-bandar ataupun tempat autoriti yang senang mendapatkan butir-butir yang tepat. Oleh yang demikian, mereka yang jauh dari bandar-bandar itu mereka sendiri tidak dapat pergi ke tempat-tempat tertentu atau jabatan-jabatan kerajaan untuk memaklumkan mengenai diri mereka. Mereka pun hidup begitu sahaja. Oleh yang demikian, perangkaan-perangkaan mengenai mereka itu yang dari luar bandar, dari tempat-tempat pedalaman adalah tidak begitu tepat.

Saya sebenarnya tadi apabila Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar menyenaraikan bilangan orang yang termiskin mengikut negeri juga dan beliau telah menyatakan 9,053 orang yang termiskin di Sarawak. Saya rasa angka ini boleh dipertikaikan walaupun ini mungkin dari Sarawak, tetapi saya sebut begitu oleh kerana saya tahu ada lebih dari 10,000 orang yang masih lagi di hutan.

Dan saya rasa mereka ini tidak mempunyai pendapatan yang lebih daripada apa yang kita anggapkan above, dengan izin, lebih daripada angka kemiskinan tadi. Oleh yang demikian, saya minta dari aspek Jabatan Perangkaan ini dan juga dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar membuat penyiasatan daripada aspek itu kerana kita tidak mahu ada beberapa orang yang tidak mudah dihubungi itu masih lagi dalam keadaan kemiskinan dan kehidupan mereka pun melarat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dalam satu aspek lagi iaitu B.19 - Kementerian Pertanian. Di sini juga, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga katakan tadi di segi gaji dan elaun. Ini juga saya sebut sebagai satu hadiah yang baik bagi mereka tetapi dengan ini saya juga ingin memohon supaya Kementerian Pertanian membuat rancangan bagi pembangunan luar-luar bandar, mungkin dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga, di mana mereka yang sekarang ini bercucuk tanam di luar bandar diberi perhatian khusus, diberi perhatian khas supaya mereka dibimbing untuk memperbaiki, memodenkan cara pertanian mereka.

Sekali lagi saya berkata begini oleh kerana saya orang Sarawak, saya lihat, saya mengalami juga bahawa sistem pertanian bercucuk tanam bagi orang-orang yang jauh daripada bandar, daripada tempat-tempat yang mudah kita pelajari dari cara yang moden itu memang sentiasa begitu sejak nenek moyang lagi, sejak lama dahulu. Jadi kalaulah mereka ini dibiarkan, kalaulah Jabatan Pertanian tidak memberi extension service, dengan izin, kepada mereka untuk memberi extension service yang begitu baik yang berkesan, maka kita akan boleh jangka pendapatan mereka bukan meningkat, mungkin merosot juga oleh kerana tanah yang mereka gunakan itu bukan menjadi lebih subur tetapi mungkin lebih tidak subur.

Dari aspek itu saya ingin merayu supaya pihak Kementerian Pertanian memikirkan bagaimana caranya, bukan sahaja mungkin menambahkan pegawai-pegawai, extension service, dengan izin, mungkin cara yang lain di

mana mereka ini, yang di luar-luar bandar ini diberi dedahan khas ataupun pendidikan khas, mungkin pergi ke tempat-tempat tertentu dekat bandar di mana ada, misalnya tract gardening, dengan izin, supaya mereka pun boleh belajar bagaimana untuk menggunakan tanah mereka dengan lebih berkesan lagi. Saya rasa dengan itu mereka bolehlah belajar dengan sendiri, maka bolehlah mereka untuk meninggikan taraf pendapatan mereka, maka mereka mungkin bolehlah hantarkan anak mereka ke sekolah nanti supaya anak-anak mereka boleh menyertai orang-orang lain dalam meningkatkan pendidikan mereka agar menjadi orang yang berkesan nanti dan menyumbang ke arah impian kita, Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga sentuh lagi satu perkara iaitu B.26 mengenai Kementerian Pendidikan. Di sini juga walaupun kebanyakan RM299 juta dibayar sebagai gaji dan elaun tetapi saya di sini ingin sentuhkan perkara lain. Saya ingin merayu kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya sentiasa berwaspada mengenai keadaan sekolah kita. Saya ingin rujuk kepada keadaan fizikal sekolah yang mana sekali lagi saya sebutkan perkara di Sarawak di mana kita mempunyai banyak sekolah yang usang, bangunan-bangunannya yang begitu usang.

Saya teringat, misalnya di mana saya bertugas sebagai seorang guru dahulu di mana ada sekolah yang didirikan dekat satu kolam dengan menggunakan projek kilat dahulu dan apabila beberapa tahun kemudian, bangunan ini telah pun condong dan mungkin akan tumbang bila-bila masa sahaja dan bukan sahaja itu, kerana ada kolam di bawah bangunan itu mungkin banyak nyamuk yang mungkin terbang ke atas beberapa kaki sahaja untuk gigit budak-budak di situ. Nasib baik kita tidak ada malaria lagi, mungkin perkara lain juga boleh disebarkan oleh nyamuk itu.

Saya sebut perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana sekolah-sekolah di beberapa tempat di hulu-hulu sungai adalah begitu usang, adalah merbahaya bagi budak-budak. Walaupun saya sangat berterima kasih juga kerana saya tahu setakat ini, tahun yang lalu, misalnya Kementerian Pendidikan telah membelanjakan berjuta wang untuk memperbaiki sekolah-sekolah ini tetapi saya dimaklum oleh beberapa pegawai pendidikan bahawa sekolah mereka walaupun dibelanjakan begitu banyak wang, tidak ada pertukaran banyak.

Saya tahu, ini adalah masalah pelaksanaan, bukan dari segi meluluskan kewangannya tetapi ini adalah dari segi pelaksanaan. Dari aspek ini, saya juga ingin merayu supaya apabila ada wang untuk memperbaiki sekolah itu saya ingin merayu supaya wang itu sampai ke sasarannya, mungkin tidak untuk lain perginya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu juga saya ingin sentuh di sini dari segi keselamatan bangunan tadi. Kita mungkin sedia maklum, tidak lama dahulu, tidak sampai sebulan dahulu, kita ada satu kes di Bahagian Sri Aman di mana sebuah sekolah terbakar. Keadaan seperti ini sebenarnya tidak harus berlaku sekiranya pihak kementerian dan Jabatan Pendidikan, di mana-mana tempat untuk berwaspada selalu, melihat keadaan sekolah. Kita telah kehilangan



beberapa pelajar yang begitu berpotensi untuk menjadi orang yang baik dan berguna untuk negara kita di masa hadapan. Oleh kerana kita telah cuai, jadi perkara yang begini, saya ingat haruslah dielakkan.

Saya tahu juga di Semenanjung ini tidak beberapa lama dahulu, ada juga perkara yang begini berlaku di mana anak-anak muda kita terkorban, terbakar. Sangat sedih kalau kita dengar suara itu. Jadi, dari aspek itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu supaya Kementerian Pendidikan sentiasa berwaspada dari segi keselamatan bangunan dan keadaan-keadaan di sekolah kita.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga sentuh dari segi kualiti guru kita. Saya kurang pasti sama ada ini adalah pandangan orang-orang tua yang sudah lama seperti saya dan yang lain-lain di Dewan yang mulia tetapi ramai orang tua, kami di Sarawak, misalnya selalu mengatakan bahawa muda mudi yang menjadi cikgu sekarang, yang mengajar anak-anak kita di sekolah itu adalah orang-orang yang kurang bertanggungjawab, tidak seperti dahulunya. Inilah secara quotation. Tidak seperti guru-guru dahulu yang mempunyai tanggungjawab penuh untuk mengajar dan berdedikasi. Ini selalu dikatakan, walaupun ini tidak boleh dipastikan ataupun kita tidak mendapat angka yang sebenarnya.

Tetapi komen-komen seperti ini adalah selalu berleluasa. Kalaulah kita benarkan perkara ini berlaku, kalau ada sebab, ada kemungkinan proses pendidikan kita di masa hadapan akan terjejas juga. Dari aspek ini saya kurang pasti dan kurang arif, mungkin pihak Kementerian Pendidikan di sini boleh memikirkan bagaimana dari segi mempertingkatkan kualiti orang-orang kita yang menjadi guru itu ataupun menyingkirkan dan menghapuskan komen-komen yang seperti itu di mana kita membuktikan bahawa guru-guru kita yang ada sekarang, baik mereka yang baru sahaja keluar dari maktab ataupun universiti adalah juga orang-orang yang mempunyai kualiti dan kewibawaan yang sama.

Saya rasa dari segi pengetahuan atau knowledge, sekarang ini mereka lebih knowledgable, lebih banyak pengetahuan lagi. Kemungkinan dari segi keadaan sosial dan perhubungan mereka mungkin ada yang kurang menghormati orang-orang tua. Maka dengan itu orang-orang tua dan ibu bapa menganggap mereka kurang baik. Mungkin dari aspek itu saya hanya mencadangkan di sini supaya Menteri Pendidikan kita memikirkan bagaimana cara untuk meninggikan taraf guru-guru kita dan juga proses pendidikan agar

negara kita boleh menjadi negara yang boleh dihormati seperti beberapa lama dahulu kita menyanjung tinggi proses pendidikan seperti negara Britain.

Saya ingat negara kita pun boleh juga mempunyai proses pendidikan yang begitu elok dan berkesan, bukan sahaja di universiti-universiti ataupun institusi pengajian tinggi, tetapi juga di sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan atas. Inilah cita-cita kita, penduduk dari luar bandar, bukan sahaja mereka yang pergi ke sekolah yang baik seperti premier school di bandar sahaja yang mendapat pendidikan yang baik, tetapi juga mereka yang datang dari luar bandar di mana mungkin mereka pergi ke sekolah-sekolah yang mungkin tidak terkenal, tetapi guru-guru mereka yang berada di situ seperti guru besar sehinggalah pegawai-pegawai yang lain adalah orang yang berdedikasi dan berjiwa masyarakat untuk menentukan bahawa pendidikan anak-anak kita untuk abad yang akan datang adalah begitu sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Maksud B.34, Kementerian Kesihatan. Sekali lagi walaupun ini memang diperuntukkan untuk pelarasan gaji kebanyakannya, di sini saya juga mengambil peluang ini untuk mengemukakan sekali lagi keadaan di luar-luar bandar.

Di sini saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan bagi pihak orang-orang di luar bandar di Sarawak yang bertaburan di sepanjang Sungai Baram, Sungai Batang Rejang dan lain-lain berhampiran border Indonesia di mana flying doctor service, dengan izin selalu pergi ke situ memberi perkhidmatan kepada mereka yang sakit.

Walaupun perkhidmatan ini banyak juga boleh dieprbaiki, tetapi kita sangat berterima kasih kerana doktor boleh pergi melihat keadaan di situ, bukan sahaja memberi ubat kepada mereka yang sakit kepala dan sakit perut seperti itu, tetapi melihat keadaan

kesihatan mereka dan bagaimana wajah mereka yang di situ kalau dibandingkan dengan orang-orang yang di bandar.

Ada kalanya mereka ini walaupun banyak makanan namun zat makanan mereka setiap hari adalah kurang seimbang. Oleh yang demikian, walaupun mereka nampak kuat dan sihat, tetapi mudah terkena sakit. Dari aspek itu kita dari kawasan bandar sangat berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan kerana membekalkan perkhidmatan seperti ini dan seterusnya membawa maklumat-maklumat seperti itu kepada Kementerian Kesihatan supaya mengadakan rancangan yang lebih banyak untuk jangka masa panjang di mana bukan sahaja pesakit-pesakit yang diberi perhatian, tetapi rancangan yang begitu berkesan untuk menentukan kesihatan mereka yang tinggal di luar bandar.

Kita sedia maklum bahawa tenaga manusia, kesihatan merupakan satu modal yang begitu penting untuk pembangunan negara kita. Oleh yang demikian, sekiranya kita ketepikan kesihatan mereka yang jauh dari bandar dan pusat pembangunan, maka di sini saya rasa kita bukanlah begitu mengambil berat ataupun ada social injustice sekiranya kita tidak mengambil berat mengenai kesihatan mereka. Oleh kerana sekiranya mereka tidak sihat, maka mereka bukan sahaja tidak akan dapat menyumbang kepada keadaan hidup mereka, lebih-lebih lagi kepada negara kita.

Di sini saya sekali lagi ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak kementerian dan juga doktor-doktor yang selalu pergi memberi rawatan kepada orang-orang yang jauh dan seterusnya mendapatkan maklumat mengenai mereka itu dari segi makanan, wajah dan keadaan kesihatan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah? Hendak memberi peluang kepada Ahli-ahli yang lain.

**Tuan Ding Seling:** Sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua. Sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sedikit sahaja lagi. Saya ingin menyentuh satu lagi perkara iaitu mengenai Maksud B.39 - Jabatan Pendaftaran Negara. Di sini saya sekali lagi didalam Dewan yang mulia ini merakamkan berbanyak terima kasih kepada Jabatan Pendaftaran Negara kerana telah banyak berusaha untuk menentukan kad-kad pengenalan, bukan sahaja di Semenanjung Malaysia ini, tetapi di Sabah dan Sarawak telah pun banyak dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, saya masih mendapat banyak maklumat di mana orang-orang di luar bandar dan di kampung-kampung rumah panjang (long houses) yang masih lagi tidak ada kad pengenalan dan masih lagi susah mendapat kad pengenalan. Kalaupun saya menceritakannya lebih lanjut di dalam Dewan yang mulia ini, mungkin agak panjang dan membosankan, tetapi di sini saya hanya ingin mengutarakan satu dua perkara sahaja. Terima kasih di atas apa yang telah dibuat, tetapi kita perlu berusaha lebih gigih lagi untuk menentukan bahawa mereka yang sudah dewasa mendapat kad pengenalan dan mereka yang telah mendaftar dan memohon benar-benar akan mendapat kad pengenalan dan juga mereka yang perlu menukarkan kad mereka dari yang lama kepada yang baru juga diberi masa untuk mendapatkan kad pengenalan mereka.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan sebelum saya menyentuh satu subjek sahaja atau satu topik sahaja, Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya ingin merujuk kepada B.11 Badan Pencegah Rasuah.

Saya sukalah mengambil kesempatan di sini terlebih dahulu, pertamanya bagi pihak diri saya dan juga bagi pihak rakyat Kelantan, dengan izin, taking for granted untuk turut sama menyampaikan ucapan setinggi terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pada hari ini, sebagaimana yang telah kita saksikan iaitu Dewan yang mulia ini telah memperolehi Yang di-Pertua yang baru iaitu Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob yang berasal dari Kelantan.

Saya turut mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan ucapan setinggi tahniah saya kepada Yang Berbahagia Tan Sri dan saya kira perlantikan ini amat tepat dan kena pada orangnya. Walaupun rakyat Malaysia telah mengenali Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob melalui perjuangan beliau dalam politik yang begitu lama tetapi mungkin tidak ramai mengenali dengan dekat akan keperibadian seorang tokoh yang telah diberi kepercayaan untuk menerajui Dewan Negara yang mulia ini.

Saya mengenali Tan Sri Yang di-Pertua ini untuk pengetahuan ahli-ahli Dewan yang mulia ini, semenjak saya berada di pusat pengajian tinggi. Sewaktu itu beliau bertugas berkhidmat sebagai tokoh politik iaitu Menteri Pendidikan, sebelum itu sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri kemudian berakhir dari segi perjuangan politiknya sebagai Menteri Besar Kelantan.

Saya dapat simpulkan beliau ini sebagai salah seorang yang mempunyai keluhuran dan budi pekerti yang amat terpuji. Salah seorang tokoh politik yang boleh diteladani kerana tidak ada sifat pamarah, tidak ada sifat konfrontasi langsung terhadap diri beliau sebagai seorang pemimpin politik ataupun pemimpin kerajaan yang saya kenali sejak saya di bangku sekolah hinggalah ke hari ini.

Oleh itu, saya kira perlantikan beliau ini sebagai satu penghormatan yang juga boleh menjadi dorongan dan rangsangan kepada golongan generasi muda terutamanya

yang berminat dalam perjuangan politik dan untuk berkhidmat kepada rakyat. Mengambil contoh dan teladan salah seorang daripada tokoh yang ramai di negara kita ini tetapi salah seorang, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob. Sekali lagi saya ucapkan tahniah dan syabas dan terima kasih saya kepada kerajaan terutamanya kepada Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlantikannya amat kena pada tempatnya.

Begitu juga saya terharu sebab di kalangan ramai tokoh yang boleh dilantik, dipilih pula kali ini anak Kelantan. Sebuah negeri yang ditadbir oleh kerajaan PAS, walaupun kita lihat ramai tokoh yang ada dalam negara kita daripada lain-lain negeri tetapi Kelantan pula diberi penghormatan. Samalah juga dengan diri saya, disambung semula menjadi ahli Dewan Negara ini juga berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga terutamanya sembah kasih saya kepada Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong tetapi apa yang tersirat di atas perlantikan ini juga harus disedari oleh rakyat Kelantan sendiri.

Betapa kerajaan pusat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa memberi peluang dan memberi penghormatan dengan melantik pemimpin-pemimpin bukan sekadar memilih daripada negeri tetapi memberi penghormatan kepada seseorang di atas kemampuan dan kebolehan seseorang tokoh itu. Jadi, saya percaya rakyat Kelantan juga turut gembira dengan perlantikan ini dan sekaligus, saya percaya juga ianya memberi pengertian dalam perkembangan politik senario mutakhir.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaflah ambil masa yang sedikit panjang ini, bukan kerana saya sengaja hendak bercakap di hadapan Tuan Yang di-Pertua, tetapi kadang-kadang untuk mendapat peluang bercakap perkara yang seikhlas begini memang sukar selain daripada ada di dalam Dewan yang mulia ini sekurang-kurangnya untuk direkodkan bagi bacaan generasi pada masa akan datang sebab saya cukup mengkagumi

peribadi yang ada pada Tuan Yang di-Pertua kita yang baru ini, beliau naik dalam politik itu tidak seperti orang lain.

Dalam dunia politik sekarang ini orang hendak naik, kena pijak kepala orang, betul tidak? Macam-macam kena buat sampai ke politik wang tetapi berbeza dengan tokoh-tokoh dahulu seperti Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob ini, ini pun saya percaya beliau sendiri pun terkejut dilantik. Saya percayalah tetapi oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenali dengan dekat, satu penghormatan perlu diberi kepada Tuan Yang di-Pertua maka hari ini berlakulah sekali lagi detik sejarah di mana kita lihat seorang tokoh yang berwibawa memimpin kita di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara B.11 - Badan Pencegah Rasuah. Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka kita bergerak ke arah menuju negara maju tahun 2020, maka dengan itu sememangnya kesibukan kita ialah kerajaan melaksanakan berbagai-bagai projek dan seboleh-bolehnya projek-projek raksasa, yang besar-besar, sebesar-besar sampai sekecil-kecilnya supaya dapat disiapkan mengikut jadual. Tetapi kita harus ingat juga dalam kesibukan seumpama ini, apa yang harus kita pastikan ialah apabila kita sampai ke tahap sebuah negara yang maju, kita bukan sahaja mahu dikenali sebagai sebuah negara yang makmur, tidak ada kemiskinan tetapi juga sekaligus kita bersih daripada rasuah. Daripada amalan yang tidak sihat sebab kita semua sedia maklum betapa tinggi bangunan dibuat, betapa besar projek dibuat, betapa gagahnya program pembangunan negara kita, sudah terbukti dari segi sejarah bahawa sesebuah negara dan masyarakat itu boleh menjadi hancur dalam sekelip mata akibat daripada perbuatan dan amalan rasuah.

Banyak revolusi berlaku di kalangan rakyat adalah akibat daripada rasuah. Banyak kerajaan jatuh ialah kerana perbuatan rasuah. Rasuah yang saya maksudkan di sini termasuk selain daripada yang memberi dan yang menerima untuk mendapat sesuatu

keputusan bagi pihak kepentingan dirinya tetapi penyalahgunaan kuasa, pilih kasih dan keputusan-keputusan yang dibuat yang menimbulkan keresahan rakyat. Maka apa yang dikatakan rasuah itu boleh menghancurkan sesebuah negara, apatah lagi dalam keadaan seperti yang saya katakan sekarang, kita tidak mahu sebuah negara seperti kita mempunyai ataupun negara kita ini sama dengan setengah-setengah negara lain yang orang sebut, saya tidak boleh sebutlah nama-nama negara ini, tetapi orang selalu bercakap, tersebar.

Kalau pergi satu-satu negara itu bila sampai ke lapangan terbang, di situ pun sudah mula rasuah, hendak check-in kapal terbang pun kena bayar rasuah, hendak potong queue pun kena bayar rasuah. Kalau kita lihat dalam majalah-majalah antarbangsa, ada negara-negara dikategorikan kedudukan masing-masing dari segi amalan rasuah. Jadi, maknanya rasuah ini adalah satu perkara yang cukup merbahaya seperti "api dalam sekam".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sewaktu menggulung perbahasan di Dewan Rakyat mengenai dengan Perbekalan 1997 iaitu dengan mengatakan ataupun dengan memaklumkan bahawa Akta Badan Pencegah Rasuah akan dipinda dan yang berkaitan dengannya untuk memberi lebih kuasa kepada Badan Pencegah Rasuah dalam membanteras rasuah kes-kes jenayah bersindiket dan pembersihan wang haram atau yang dikenali sebagai 'money laundry', dengan izin.

Saya ucapkan syabas, tahniah dan saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, apakah rangka, cadangan terhadap pindaan Akta Badan Pencegah Rasuah ini? Saya harap apabila dipinda nanti segala aspek diambil kira kerana hari ini, Tuan Yang di-Pertua, apabila orang merungut berlakunya rasuah, siasatan dibuat akhirnya ada laporan mengatakan tidak ada kes.



Memang benar juga, kalau tidak ada kes macam mana hendak dakwa? Tetapi, saya difahamkan rungutan selama ini ialah kesukaran untuk mendapat maklumat dan bukti untuk dihadapkan kes-kes rasuah ke mahkamah.

Saya tidak hendak menuduh mana-mana pihak, tetapi saya telah sebutkan di dalam awal ucapan perbahasan saya itu, amalan rasuah ini memang sekarang ini berlaku dengan begitu licin. Ianya lebih licin kalau dilakukan oleh orang-orang yang berpendidikan tinggi, orang-orang yang mempunyai kepakaran. Sebab kita ini manusia, sebagai manusia kita mempunyai banyak kelemahan. Maka sekurang-kurangnya kalau sistem itu dikemaskinikan dengan memastikan kita tidak memberi ruang kepada orang melakukan rasuah, insya-Allah, mungkin kita boleh kurang daripada apa yang berlaku, terutamanya amalan rasuah ini.

Saya menyebutkan perkara ini sebab saya pernah sebut di Dewan Rakyat dalam Dewan yang mulia ini, kadang-kadang saya berasa hairan, ada orang-orang tertentu, cara kehidupan mereka cukup luar biasa, kalau kita tahu Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba, tahniah Datuk ya, baru dapat Datuk, lupa! *[Ketawa]*

Datuk Rahim bin Baba, dia ada rumah besar, kereta besar, isteri pun lebih kot, saya tak tahulah, tetapi memang dianjurkan oleh Rasulullah supaya kita menambahkan anak ini betul, satu kerja amalan yang cukup baik.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak menyebutkan perkara ini, ada di kalangan setengah kita yang saya memang tahu orang pun bercakap, kalau kita naik kereta ke kawasan perumahan bukit-bukit yang indah sekarang ini, keluasan rumahnya sekian ribu kaki persegi, keindahan di hadapan itu cukup cantik dan ada orang-orang memiliki rumah di jalan ke Nilai, Taman Country Height, ialah saya dari segi soal kekayaan orang yang mendapat kekayaan melalui usaha yang jujur, ikhlas tidak ada masalah.

Tetapi apa kata, kalau kita lihat jawatannya itu tidak berapa tinggi, kita tahu latar belakang dia pun taklah sebegitu kaya sangat, emak bapa dia pun tidak adalah tinggalkan harta banyak sangat, tetapi hidup dengan mewah dan cukup tahun melancong ke luar negeri satu keluarga.

Kalaulah gaji dia yang dia terima itu, dia puasa setahun, dia tak makan pun, dia tak beli baju baru pun. Saya belum pasti dia boleh buat swimming pool itu. Saya belum pasti dia dapat beli kereta mewah. Sekarang ini banyak juga orang ada kereta mewah, rumah besar, sebab ada kerajaan ambil tanah, dia bayar tanah, dapat durian runtuh, ada yang dapat saham - okay, tidak ada masalah.

Tetapi, saya takut ada kes-kes seumpama ini berlaku. Sebab itu, saya bangkitkan spirit ini oleh kerana saya hendak menekankan apabila pindaan itu dibuat, jangan pindaan dibuat semata-mata kerana kosmetik sahaja. Jangan dibuat semata-mata kerana kita hendak tunjuk bahawa 'we are serious in fighting the corruption', tetapi dari segi peruntukan undang-undangnya tidak mencukupi untuk kita memerangi gejala rasuah ini.

Kita lihat bagaimana prihatinnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di waktu Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, seorang Presiden parti yang menerajui ketua kerajaan sekarang ini, tidak segan silu dengan mengatakan, 'tolak pemimpin-pemimpin yang rasuah'. Dalam demokrasi orang menang, ha, itulah yang dipilih. Dan kita kena hormat orang yang menang. Tetapi, hendak dijauhkan daripada kemenangan itu dari segi amalan rasuah.

Parti UMNO begitu terbuka. Saya tidak fikir mana-mana Presiden parti dalam dunia ini terutama yang memegang tampuk pemerintahan berani secara terbuka mengajak ahli-ahlinya, mengajak rakyat supaya menolak rasuah dan tidak malu-malu mengakui kalau berlakunya rasuah di kalangan ahli-ahli partinya. Mana ada parti dalam dunia ini yang berbuat demikian?

Parti PAS yang mengagung-agungkan Islam, yang mengagung-agungkan perjuangan Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., bercakap berdetum-detum ini, pun tak berani hendak bercakap dan tidak sewibawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bercakap dalam Perhimpunan Agung UMNO, minta supaya ahli-ahli parti menolak pemimpin-pemimpin rasuah.

Kita cukup bangga kerana dalam negara kita membangun, dalam kita mahu rakyat kita makmur, tetapi asas di bawah itu, kuat, solid as a rock, maknanya begitu kuat. Kita mahu negara maju, rakyat makmur tetapi bermaruah, berakhlak, bersih daripada gejala rasuah.

Pemimpin politik, Presiden Parti UMNO yang juga Perdana Menteri telah menyatakan kepada ahli-ahli parti, saya juga ingin mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada tolak ansur, juga di kalangan pemimpin kerajaan dan kakitangan kerajaan.

Hal rasuah, sepatutnya dijadikan falsafah 'no sympathy', tidak ada tolak ansur langsung kepada mereka yang melakukan rasuah. Tetapi, soalnya macam mana hendak ambil tindakan? Sudah banyak kes besar yang kita dengar. Apabila disiasat, bukan kerajaan tidak mahu mengambil tindakan, saya tak percaya pihak kerajaan mahu melindungi mereka ini, tetapi kalau dibawa ke mahkamah, masa mahkamah habis, berapa ratus saksi pun terlibat, berapa banyak wang rakyat pula terlibat, at last, discharge. Maknanya dibuang kes, tidak ada kes, sesudah perbicaraan berlaku dua, tiga bulan, sebab apa? Dari segi bukti itu susah!

Maka sebab itu kalau hendak dibuat pindaan, pindaan itu harus dijuruskan ke arah menangani ataupun 'to address this issue', dengan izin, barulah ianya berkesan. Tolak kakitangan kerajaan baik, pemimpin-pemimpin baik, selalunya orang kata, pemimpin politik ini rasuah, jarang orang bercakap kakitangan juga melakukan penyelewengan.

Saya tak menuduh mana-mana pihak, tetapi saya bercakap dari segi prinsip umum bahawa gejala rasuah ini memang bahaya.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua Pengarah BPR, Dato' Shafie Yahya yang telah membuat kenyataan bahawa di antara langkahnya ialah mengkaji, memperkemas, menyatu dan menyelaraskan tiga rang undang-undang rasuah yang sedia ada iaitu Akta Pencegah Rasuah 1961, Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 dan Ordinan No. 22 tahun 1970 Kuasa-kuasa Perlu Darurat di mana adalah wajar dan harus dan kita alu-alukan. Tetapi, kalau boleh diperketatkan lagi.

Saya hendak tanya, apakah cukup sekarang ini kakitangan BPR yang terlatih, di ibu pejabat berapa ramai sekarang ini, di peringkat-peringkat negeri berapa ramai, sekarang ini nisbahnya berapa, cukup atau tidak kakitangan?

Dan kadang-kadang bila ada orang buat report sesuatu kes itu berlaku rasuah, oleh kerana kekurangan kakitangan, tak cukup tenaga, orang-orang yang melakukan perkara ini sudah mula boleh mengemaskinikan fail mereka masing-masing. Bocor dah! Surat hilang, resit hilang, keluar resit baru, macam-macam lah manusia sekarang ini. Lagi banyak, lagi canggih komputer orang kata, lagi mudah nampaknya orang boleh menipu. Terutamanya orang-orang yang mengerti dan faham dengan hal kewangan, terutamanya kita lihat apa yang berlaku kepada Bank Bumiputera Malaysia Berhad dahulu, isu yang kerajaan rugi RM2 billion lebih, banyak lagi kes-kes lain yang kita dengar, saya tak hendak sebutlah, kalau sebut pun kita ulang sahaja. Tetapi, supaya peperangan terhadap rasuah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, pilih kasih ini dilakukan secara habis-habisan. Dan inilah saya percaya, misi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan sahaja mahu negara kita menjadi negara maju, tetapi juga dihormati, di mana ianya dihormati kerana bila orang bercakap, Malaysia 'clean' dari segi rasuah. Tak hendak ada

orang sebut ada beberapa buah negara, rasuah daripada atas sampai bawah. Sehingga jadi amalan budaya biasa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya taklah hendak bercakap sebab ahli-ahli Dewan yang mulia ini pun tahu, betapa buruknya rasuah ini, tetapi saya suka membaca juga, taklah sekuat orang lain, tetapi saya baca dalam *Berita Harian*, satu artikel, ‘Keluar dari Kepompong Rasuah’ yang ditulis oleh Abdul Hamid bin Bakar, hari Jumaat dalam ruangan Sinar Islam. Ahli Yang Berhormat sudah baca atau belum?

**Seorang Ahli:** Belum!

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ha! Itulah tak boleh! Jadi, Setiausaha Parlimen, perkara-perkara yang macam inilah yang kena baca. Jangan dok ghalib tengok hendak sign surat sahaja. *[Ketawa]* Kena baca ini. Tengok ini Yang Berhormat. Saya baca, saya sebutkan, seronok ini, dia mula pun sedap ini.

*“Rasuah adalah perbuatan keji yang sangat dilarang Islam, malah agama juga melarangnya. Definisi rasuah mengikut penghuraian Mufasirin bermaksud, ‘seseorang yang memberi sesuatu kepada hakim, supaya hakim menghukum bagi faedahnya atau supaya hakim menghukum mengikut kehendak orang yang memberi rasuah’. Mengikut Ibnu Athir: ‘Rasuah bererti menyampaikan hajat dengan memujuk melalui pelbagai cara.’ Menurut As Na’i, ‘Rasuah asalnya ialah menghulurkan tali ke dalam perigi untuk mengambil air’.*

Itu definisilah. Dia punya mukadimah! Tetapi, kena baca ini, saya baca banyak kali. Seram bulu roma! Jadi, kita bacalah, saya mintalah supaya saya akan berikan kepada Yang Berhormat untuk ditampal dalam pejabat, kalau orang datang minta tender nanti, bila tengok-tengok kawan itu, kata tengok itu. Ha! Supaya adil!

Bila segala-galanya berlaku adil, segala-galanya aman. Yang tidak aman itu di sinilah. Dia kalau tidak ada rasuah dalam banyak perkara - selesai, yang selalunya masyarakat resah, kawan bergaduh, sesama sendiri bergaduh - betul atau tidak? Ia adalah kerana perkara-perkara seumpama ini. Penyelewengan berlaku, pilih kasih berlaku, rasuah berlaku, tetapi kalau tidak ada rasuah, everything accross the board. Tidak ada orang hendak kompelin, tidak ada orang yang hendak merungut, tetapi ini merungut sahaja. Macam Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan menjawab berkenaan dengan HVD tadi. Saya malas hendak bangun tanya soalan. Dia kata kita sudah menjawab soalan, sudah memberi penjelasan, mengenai dengan pemberian masa ini dan beri kepada syarikat HVD - okaylah, cantiklah, pada kita sudah puas hati, tetapi di belakang ramai lagi orang yang tidak puas hati. Orang masih bercakap lagi - itu contohnya. Saya hendak memberi contoh.

Kita bukan sahaja mampu memberi penjelasan yang sebaiknya, tetapi kita mencari jalan memberi penjelasan yang sepuas hati dan selalunya saya percaya orang akan puas hati dan orang tidak akan ungkit apabila orang tahu keputusan itu dibuat 'above board', maknanya ialah 'accross the board', tidak ada pilih kasih.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya baca dalam surat khabar, terkejut saya baca, - betul atau tidak betul itu Wallahua'lam. Ini orang baru tulis, belum tentu betul - dalam *Berita Harian* ada sebuah syarikat yang dikatakan berwibawa - 'bedebuq' hati saya di dalam - sudah lebih RM1 bilion diberi kepada projek. Itu sudah berlaku, harap-harap tidak betullah. Siasatlah dengan betul, jangan pula orang ini dianiyai. Tetapi kalau betul, tengoklah.

Jadi, perkara-perkara seumpama ini sudah tidak cukup, sudah tidak boleh kita pakai falsafah, bila berlaku sahaja masalah kita akan kaji. Insya-Allah perkara ini tidak

akan berlaku, tetapi esok berlaku pula. Kita tidak mahu dah perkara itu. Memangnya kita tahu dalam dunia ini tidak mungkin kita boleh menjadi 'perfect'. Saya pun bukan pengamal idealisme sangat. Maknanya hendak tengok everything to be perfect - kita ini manusia yang tidak maksum, kita tahu, tetapi janganlah rasuah itu berlaku kerana disengajakan.

Janganlah penyalahgunaan kuasa itu disengajakan. Kalau tidak disengajakan, soal lain, berlaku kerana innocent, kerana tidak tahu peraturan dan prosedur, tetapi kalau berlaku betul-betul kerana niat atau bertujuan hendak menipu, mesti diambil tindakan. Jadi, saya betul-betul bercakap - bab ini satu sahaja, sebab saya hendak tahu sangat rangka pindaan ini. Walaupun saya tidak bersetuju dengan pihak DAP yang mencadangkan supaya dibentuk satu suruhanjaya badan pencegah rasuah, kalau sudah ada suruhanjaya pun, belum tentu rasuah tidak akan berlaku. Sebab manusia juga. Dalam Badan Pencegah Rasuah itu ada juga pegawai yang didakwa kerana melakukan rasuah - pun ada juga. Polis ditahan kerana melakukan rasuah yang sepatutnya dia pengamal, melaksanakan atau menjalankan undang-undang - pun berlaku juga. Jadi, tidak boleh jamin apa-apa pun sistem.

Tuan Yang di-Pertua, memang pun kita tahu yang lebih afdal ialah selain dari pindaan kepada akta ini, pendidikan di kalangan anak-anak kita melalui sistem pendidikan yang kita ada ini, supaya mewujudkan bagaimana kita boleh lahirkan generasi anak-anak kita supaya apabila sebut rasuah, macam kerajaan pernah buat dahulu, bila sebut komunis, cukup orang benci, cukup orang jijik - dengar nama komunis, cukup orang jijik. Komunis itu jangan, semua orang benci, semua orang takut. Macam mana kita boleh melahirkan kesedaran seumpama ini di kalangan generasi sekarang dan generasi akan datang melalui sistem pendidikan supaya orang tahu jijiknya rasuah ini,

orang benci kepada rasuah ini, kerana rasuah ini boleh memudaratkan diri dan memudaratkan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, percayalah, duit yang dapat secara haram, semua kita tahu tidak akan berkat, buatlah sebesar mana mahligai, tetapi mahligai itu akan runtuh. Buatlah sebesar mana kolam renang, kolam renang itu akan naik dengan lumpur, belilah kereta sebesar mana, kereta itu insya-Allah, banyak kali kena tukar spare-part. Percayalah, dia tidak akan berkat. Untuk jangka pendek - boleh, tetapi bukan untuk jangka panjang. Saya bercakap ini transparence, sebab saya tengok, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap di Perhimpunan Agung, menitis air mata bersabit dengan rasuah, kalau kita tidak faham lagi, sebaliknya tanpa undang-undanglah.

Saya pun mengingatkan diri saya sendiri, saya pun tidak kata saya ini bersih, tetapi kalau diberi saya mengendalikan benda-benda besar, undang-undang tidak kemas, pegawai tidak cukup - tanyalah Dato' Rahim Baba, manusia. Tetapi kalau sudah tahu, sudah ada undang-undang, hukumannya berat, peraturannya ketat, ada jawatankuasa yang meneliti dengan begitu detail, mungkin tidak akan menjadi masalah. Ini yang akan dinamakan sebagai satu jawatankuasa. Ketua Setiausaha Negara, Dato' Abdul Halim Ali ada membuat kenyataan bahawa kerajaan akan memperkenalkan satu mekanisme bersepadu bagi memastikan jawatankuasa anti/rasuah yang ditubuhkan oleh agensi baru-baru ini.

Saya, kalau boleh, sudah banyak perhatikan Ahli Dewan Negara dilantik semula, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, selepas itu dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi, saya pun amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi yang committee ini, kalau dilantik saya, cukup saya seronok - saya boleh voluntary kepada Ketua Setiausaha Negara. Maknanya, saya bolehlah berkhidmat secara sukarela. Tolonglah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sampaikan kepada KSN



dengan mengatakan saya bolehlah duduk dalam committee ini - saya hendak membantu sahaja. Saya tidak kata saya bersih. Ini saya hendak bertegas, saya tidak kata saya bersih, tetapi saya rasa kita boleh lakukan bersama, sebab saya cukup faham dengan isu rasuah ini kerana sebagai bekas pemimpin pelajar dahulu pun, Dato' Seri Anwar Ibrahim - Timbalan Perdana Menteri pun sedia maklum dan kita sudah belajar dari banyak sejarah, membina negara yang hebat, tetapi negara yang hebat akan hancur akibat gejala rasuah.

Jadi, saya haraplah Yang Berhormat boleh menjawab pertanyaan-pertanyaan saya tadi dan saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang bercakap dan sebagai menutup, sekali lagi saya mengatakan tadi, saya bangga dengan perlantikan Tuan Yang di-Pertua yang baru dan saya berdoa mudah-mudahan dipanjangkan umur, diramaikan cucu, anak sudah ada, diramaikan cuculah pula dan dimurahkan rezeki serta dapat berkhidmat kepada negara seterusnya.

Sekian, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Tuan Hanipah Ahmad untuk mempengerusikan Majlis.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi.

**4.50 ptg.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang pada petang ini bangun untuk mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan - dalam Kertas D.R.

34/96.

Tadi, baru sahaja kita dengar dua orang Ahli Yang Berhormat bangun membahaskan rang undang-undang ini dan kita lihat bahawa perbelanjaan yang ditambah ini atau wang yang disatukan ini berjumlah RM1.5 bilion adalah merangkumi beberapa jabatan atau kementerian yang amat memerlukan perbelanjaan tambahan.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dalam Maksud B.15 - Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang yang diperuntukkan tambahan sebanyak RM1.528 juta. Jabatan ini memang kita tugaskan untuk merancang bandar dan desa supaya segala jalan, aliran longkang, sungai dan sebagainya teratur, tidak berkecamuk, supaya negara kita lebih baik, lebih tersusun terutama apabila kita menghadapi tahun 2020, kerana Jabatan Perancang Bandar dan Desa ini amat penting bagi diri saya dan juga semua rakyat di negeri ini. Akan tetapi kadangkala apabila jabatan ini melaksanakan perancangannya terdapat beberapa kelemahan sama ada tidak diketahui ataupun disengajakan - saya tidak tahu.

Terdapat kumbah-kumbah takungan najis diluluskan berhampir dengan madrasah, kadangkala di hadapan anjung masjid. Kita membuat kaji siasat kenapakah perkara ini berlaku? Pada hal layout itu telah pun diberi kepada mereka lebih awal untuk kelulusan. Apabila dikaji siasat pegawai jabatan yang berkenaan amat sedih tidak turun, dibuka sahaja pelan, peta itu dalam pejabat, dia tengok sini rumah, sini jalan, sini kumbah najis - lulus. Timbul pula masalah sosial di dalam kampung, timbul masalah sosial di dalam taman yang berkenaan, timbullah rasa tidak senang hati terutamanya masyarakat Islam yang mana masjid merupakan satu tempat ibadah, tetapi bayangkanlah berkiblatkan tangki najis - perkara ini berlaku.

Saya tidak bercakap bohong dalam Dewan yang mulia ini, perkara ini berlaku bukan sekali, bukan dua dan apabila kita membuat bantahan supaya kumbah-kumbah ini agar dipindahkan ke tempat lain, pemaju pula mempertahankan hak dia. Apakah tugas

yang mereka lakukan? Apakah mereka tidak cukup pegawai untuk menjalankan tugas? Atau sengaja melepaskan batuk di tangga? Kita beri mereka perbelanjaan yang mencukupi untuk menjalankan tugas, elaun kereta, elaun perjalanan. Kalau bermalam ada elaun hotel dengan makannya sekali, tetapi inilah yang berlaku.

Saya ingin mengingatkan jabatan yang berkenaan supaya perkara ini tidak akan berlaku dalam mesyuarat urusan tahunan ataupun mingguan ataupun bulanan perkara ini harus diterap, selalu diingatkan. Ini amat sensitif terutama kepada orang-orang Islam. Apakah kita mengizinkan perkara ini berlaku di negara kita? Sedangkan 5 atau 6 kaki atau 10 kaki sahaja di hadapan anjung masjid, bayangkanlah - ini berlaku. Kita tidak menyekat jabatan ini daripada menjalankan tugas-tugas mereka, tetapi biarlah dengan baik dan teratur, tidak sahaja hanya di atas meja sahaja, tengok sahaja pelan. Inilah yang menimbulkan rasa sangsi tadi, bak kata Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, berkemungkinan berlakunya rasuah, kalau tidak mengapa tidak pergi ke tempat yang berkenaan untuk menentukan bahawa tatacara di mana kumbah-kumbah najis ini dibuat. Bukan takungan najis yang kecil, besar, hampir satu ekar tanah. Bayangkanlah waktu malam, waktu Isya, baunya amat harum - ini berlaku.

Saya membuat teguran ini dengan ikhlas supaya perkara ini tidak berlaku. Saya amat kesal dan apabila saya tanya sahaja pegawai itu pelbagai jawapan yang diberi, yang tidak munasabah dan tidak diterima oleh fikiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh Maksud B.24 - Jabatan Muzium dan Antikuiti, memerlukan RM624,200 tambahan. Jabatan ini saya rasakan perlu kita tambah banyak lagi, kerana kita lihat dalam rencana-rencana dalam akhbar terpampang bangunan-bangunan yang lama, yang perlu kita kekalkan tidak langsung diberi perhatian, terutama rumah-rumah pemimpin negara. Terdapat juga di Johor, di Wilayah Persekutuan, di Selangor dan juga di Perak istana-istana yang lama. Apa salahnya kita

berikan peruntukan yang mencukupi kepada mereka untuk memperbaiki bangunan supaya bangunan yang demikian dapat kita kekalkan. Dan kita tidak terkejut bahawa rumah-rumah pemimpin negara kita di sebelah selatan di Johor itu kadangkala penagih dadah pun masuk di dalamnya, menghisap dadah di dalam bangunan tersebut, kerana bangunan itu tidak dipagar, tidak dicat, pintunya robak-rabek dan sebagainya. Apa salahnya kerajaan memikirkan dengan serius, kita rancangkan supaya jabatan ini mempunyai peruntukan yang cukup, agar peruntukan ini dapat menampung segala perbelanjaan memperbaiki, kerana ini adalah satu aset negara yang amat berguna.

Negeri Perak juga tidak kurang dengan istana-istana lama, raja-raja yang dahulu kala, yang tidak ada keturunannya, apa salahnya kita kekalkan. Terdapat juga bangunan-bangunan yang ditinggalkan oleh peladang-peladang bangsa Inggeris. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Muzium Negara kerana prihatin terhadap bangunan itu telah diperuntukkan, saya rasa yang baru ini sebanyak RM1 juta untuk bangunan itu dibersihkan. Sekarang saya ingat kalau sesiapa ke Perak boleh lihat Kellie's Castle, tetapi kadangkala jabatan ini perlu juga mengambil perhatian bahawa kalau sekadar rumah yang buruk dan usang itu sahaja kita lihat, tanpa tarikan yang lain, saya rasa kurang menarik pelancong. Apa salahnya kalau bangunan yang demikian di tepinya dibangunkan muzium getah atau planter museum, dengan izin dan sebagainya. Kita letakkan gambar-gambar siapa yang pertama meneroka ladang getah ini dan siapa yang mula membawa buah kelapa sawit, di manakah letaknya ladang pertama? Di manakah letak pokok getah yang pertama. Di situ adalah tempat tarikan yang lebih menarik. Kita tidak mahu bangunan ini dibaiki, tetapi tidak begitu menarik perhatian pelancong-pelancong. Saya lihat pelancong-pelancong juga hadir, tetapi cuma melihat batu-bata yang merah, dengan cat yang tidak begitu tersusun ataupun tidak begitu menarik.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Muzium Negara tentang perhatian mereka terhadap bangunan-bangunan lama ini. Saya rasa kita harus menyokong apabila mereka membuat permohonan-permohonan untuk memperbaiki bangunan-bangunan yang ditinggalkan oleh waris-waris terutama pemerintah-pemerintah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan juga, bak kata salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi, amat penting. Kadangkala, kita lihat tenaga pengajar sekarang amat kecewa kerana kadangkala satu guru terpaksa mengajar 40 lebih anak murid. Saya lihat, ada yang mengajar hampir 50 orang, 48 orang. Bayangkanlah, apa salahnya kalau pihak kerajaan terutama kementerian memikirkan supaya dari 40 orang ini dikurangkan sehingga 30 orang. Tambah lagi tenaga pengajar. Walaupun kita rasakan tenaga pengajar pada hari ini tidak cukup, apa salahnya kita banyakkkan lagi pengambilan tenaga-tenaga pengajar ini dan ditambah kolej.

Satu perkara lagi, guru-guru yang di pedalaman, yang mengajar di Sabah dan Sarawak yang mungkin, 4 hari 4 malam baru boleh sampai ke Kota Kinabalu, atau ke Kuching, atau di sini atau dulu lebih hebat dengan drama Sekolah Kebangsaan Limau Kasturi. Berapa jauhnya kerana anak terpaksa berulang dan tidur, tetapi alhamdulillah, sekarang ini sudah ada asrama. Walaupun tidak begitu hebat tetapi amat membanggakan kerana mereka tidak perlu lagi naik keretapi waktu subuh, dan mereka dapat asrama. Tetapi, bayangkanlah kalau tenaga pengajar yang ada di situ, 5, 6, 7, 8 tahun kita kurung di situ, tidak ditukarkan. Saya ingat, tidak usahkan kata guru yang sedemikian, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini pun kalau kurung lama, 5 tahun di situ dia boleh gila atau sakit jiwa. Bangun sahaja pagi, tidak ada suara lain kecuali dengar suara siamang, suara monyet dan suara unggas. Apa salahnya pihak kerajaan, terutama Kementerian Pendidikan menimbangkan mereka ini, diberi, ditambah lagi elaun mereka supaya setimpal dengan keadaan tempat mereka mengajar. Keadaan alamnya, suasana mereka mengajar di sana.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada B.11 yang diutarakan oleh rakan kita tadi, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, mengenai peruntukan Badan Pencegah Rasuah sebanyak RM33.3 juta. Badan Pencegah Rasuah ini memang amat penting. Saya tidak niat untuk menyokong DAP, akan tetapi ada baiknya Badan Pencegah Rasuah ini, jabatan ini diletakkan di bawah Suruhanjaya Diraja. Kerana kita lihat, di negara Hong Kong sendiri, di Pulau Hong Kong sendiri kalau sesiapa yang terbaca etika ini, yang telah berlaku tidak kurang dari 20 tahun dahulu bagaimana seorang Ketua Polis di pulau tersebut diheret ke mahkamah hingga ke penjara kerana undang-undang dan Badan Pencegah Rasuah di Hong Kong terletak di bawah Suruhanjaya Diraja dan tidak hanya dikongkong oleh satu-satu jabatan, bebas!

Jika undang-undang mahu dipinda, kita berterima kasih kepada ura-ura pihak kerajaan untuk meminda undang-undang Badan Pencegah Rasuah. Kita belajar dari negara-negara yang telah melakukan kerja ini dengan baik. Rampas harta, walaupun pada saudara dia, ini berlaku di Hong Kong. Ditangkap Ketua Polis negara itu dan harta itu didapati dari ipar dia. Ini berlaku, ipar dia juga diseret, diambil harta. Ini berlaku, boleh baca balik, sejarah! Saya ingat pihak polis pun tahu perkara ini. Dan dia kata, harta ini telah pun dia simpan, kata iparnya. Diselidik berapa gaji dia sebulan? Apa pendapatan dia? Katakanlah bapa dia kaya, berapa harta, berapa bilion yang bapa dia tinggalkan? Ditolak dengan harta, berapa baki? Di mana perbezaan ini adalah harta rasuah. Kalau mahu negara kita baik, kita tidak harus bertoleransi dengan rasuah. Kalau mahu negara kita baik, bak kata Ahli Yang Berhormat tadi, walaupun negara kita kaya raya, salah seorang mungkin memiliki satu bilion atau 2 bilion tetapi dengan adanya rasuah, negara kita hancur.

**Tuan Marimuthu a/l Nadesan:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Tuan Marimuthu bangun.

**Tuan Marimuthu a/l Nadesan:** Tuan Yang di-Pertua, saya sokong sahabat saya Mustaffa Kamal. Baru-baru ini saya ada baca satu berita Tamil, menteri kepada satu negeri sudah masuk penjara kerana dia rasuah, South India, dengan izin.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih, sahabat saya orang sekampung, Yang Berhormat Marimuthu. Sememangnya perkara ini harus kita ambil perhatian. Kalau katakan, kita kurang faham negara itu menjalankan undang-undang, kita hantar pegawai. Janganlah kita hantar pegawai kita, pegawai kita duduk karaoke sahaja. Pukul 6.00 petang hilang, tidak ada pun dalam bilik. Hantar mereka itu balik, kita tanya apa yang dia dapat. Penting, ini amat penting, kita belajar, buatlah satu undang-undang. Saya bimbang bila kita tidak bebaskan Badan Pencegah Rasuah ini, walaupun undang-undangnya ketat tetapi ada kongkongan. Kita tidak mahu kongkongan berlaku, bebas! Siapa sahaja dia tidak pilih, menteri, Ahli Yang Berhormat atau pegawai kerajaan, masuk sekali. Buat sahaja rasuah, kena. Kerana rasuah ada pelbagai bentuk. Bukan sahaja kewangan, pertolongan, ini berlaku. Kalau kiranya kita mahu betul-betul mahukan negara kita bebas dari rasuah. Kerana kadang-kadang kita malu apabila kita baca etika dari luar negara kita, kadangkala kita menyalahkan majalah itu memburuk-burukkan negara kita.

Malaysia ini juga salah satu daripada 5 negara yang paling tinggi mengamalkan rasuah. Apakah kita orang Malaysia tidak malu dengan dikategorikan salah satu dalam 5 negara yang rasuah? Hakikat ini kita harus terima. Kita harus insaf atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penjara. Tadi kita ada dengar semasa sesi soal jawab, bahawa banduan kita telah melebihi daripada had kemampuan menampung tempat dalam penjara. Saya cadangkan penjara ini, kalau pun kita tidak boleh hantar banduan ini balik ke negara mereka, tambah lagi penjara. Kawasan penjara kita masih ada

lagi, banyak lagi negeri-negeri yang rasa sanggup beri tanah, Sabah, Sarawak, Perak dan Kedah, saya rasa masih ada tempat lagi. Kita tampung, takut, bukan apa masalahnya kalau bersesak-sesak dalam itu, maklumlah manusia ini, dia kalau lama-lama tidak jumpa perempuan, dia ingat lelaki itu pun perempuan. Betul! Risaulah, takut kita pula jadi keturunan Nabi Noh.

Jadi, dengan adanya tambahan penjara yang baru, saya rasa perkara ini tidaklah menjadi satu gejala yang buruk nanti. Kerana kita lihat penjara-penjara yang ada itu pun, adalah penjara yang baru, dekat sini itu eloklah sedikit, dekat Batu Gajah, Taiping, saya rasa sudah layak buat muzium sahajalah. Penjara itu masukkan dalam muzium. Dari segi keselamatan, saya rasa warden itu ramai, kalau hendak kira keselamatan tidak berapa selamat. Maklum bangunan lama. Malangnya, ia tinggi kalau rendah, kawan panjat, habislah.

Itulah sebabnya, saya rasa penjara baru yang lebih canggih, yang keselamatannya begitu teratur dan terjamin harus kita bina dan tinggalkanlah penjara-penjara yang usang, macam penjara yang ada mula-mula di Taiping, di Batu Gajah, sudah tidak begitu layak saya rasa untuk membubuh banduan-banduan di tempat yang sedemikian.

Begitu juga bomba. Bomba adalah merupakan jabatan yang amat penting. Kadangkala saya lihat balai bomba kasihan rasanya. Bayangkanlah tahun 1921 pun ada. Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak tengok gambar, esok saya bawa bila saya datang. Balai bomba tahun 1921, rumah papan, tiang cengai, dinding robak-rabik, jadi bomba dalam pekan. Apa salahnya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memikirkan mana balai bomba yang usang itu. Yang seronok pula, bukanlah kita hendak usik pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Parlimen itu Parlimen dia pula, bayangkanlah. Dia jadi Ahli Parlimen kawasan itu, dia jadi Menteri. Balai bomba di situ, malu saya hendak tengok. Bila saya dijemput, ada satu keramaian hari Quality, saya pun termenung melihat, apa hendak jadi.

Bomba ini amat penting. Kalau terbakar kita perlukan mereka. Berilah keselesaan kepada staff atau pekerja-pekerja ini untuk bangunan yang baru. Dahulu ada ura-ura semua bangunan bomba ini hendak diperbaiki, hendak diperbaharui. Tetapi hingga sekarang saya tengok pelaksanaannya terlalu perlahan, terlalu beransur-ansur. Bukan kerana duit, saya rasa adalah sebab tertentu.

Dengan hal demikian, saya rasa saya tidak ingin mengambil masa yang begitu panjang untuk membahaskan rang undang-undang ini. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu.

#### **5.12 ptg.**

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih. Sebelum saya menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 1996, saya ingin mengemukakan pandangan saya mengenai perkara B.40, Jabatan Penjara, sebanyak RM2.9 juta lebih. Saya telah pun menyentuh tentang perkara ini di dalam Dewan. Saya ingin jelaskan lagi perkara yang penting ini. Banduan yang telah melakukan kes-kes jenayah serius seperti membunuh, menagih dadah dan lain-lain lagi akan ditempatkan di lokap untuk sementara waktu dan akan

dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan. Banduan yang sakit dan banduan kes-kes kecil pula akan ditempatkan di lokap yang sama. Banduan-banduan kes jenayah serius sini pula akan mendera - mendera maknanya meliwat; lelaki dengan lelaki yang disyaki dengan banduan kes-kes kecil.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya membina lokap polis. Tadi sahabat saya, Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal mengatakan bukan bomba sahaja. Ini pun cerita seperti ini juga. Banduan kes-kes kecil dan banduan yang disyaki, ini adalah bagi mengelakkan perkara buruk yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Saya juga pernah mengatakan tentang perkara ini, tetapi Timbalan Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa ianya berkehendakkan bukti. Bukti ini tidak dapat ditunjukkan, kerana mangsa banduan-banduan ini merasa malu untuk memberitahu kepada sesiapa.

Walau bagaimanapun, saya hanya ingin menyedarkan pihak Kementerian Dalam Negeri ataupun Kementerian Kewangan ianya terlambat. Saya berasa bangga terhadap satu kejayaan yang dilakukan oleh kerajaan iaitu menukarkan Penjara Pudu ke tempat lain paling sesuai di Sungai Buluh. Kita sedia maklum, kalau pun ada peruntukan untuk membina mahkamah dan penjara, tetapi mengapa sehingga kini perhatian tidak diberikan kepada cadangan membina lokap yang baru. Seperti mana lokap-lokap yang beroperasi di negara kita masih di takuk lama. Saya mencadangkan supaya dengan adanya perubahan dari segi binaan, tiada lagi perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Untuk maklumat, lokap Balai Polis Ipoh berusia 90 tahun, tiada perubahan lagi.

Sebelum ini saya menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 1996. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Ali.

**5.15 ptg.**

**Tuan Haji Hassan bin Ali:** Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalamualaikum-warah-matullahi-taala-wabarakatuh. Saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah dilantik untuk menduduki Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara pada petang ini. Pada hemat saya, dengan perlantikan ini adalah merupakan kesinambungan perayaan 50 tahun UMNO. Dengan cara ini UMNO masih mengenang jasa dan budi orang-orang lama di dalam memperjuangkan bangsa, negara dan tanah air.

Di samping itu, saya mengucapkan tahniah kepada Ahli Dewan daripada negeri Kelantan, sahabat kita Haji Zain yang dahulu mewakili S.46, tetapi sekarang mewakili UMNO di dalam Dewan Negara ini. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu yang masih memberi kepercayaan dan keyakinan kepada saya untuk dilantik bagi kali yang kedua dan merupakan kali yang akhir bagi menjadi anggota Dewan Undangan Negeri.

Di dalam membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, saya suka menarik perhatian dalam B.28, iaitu Perbendaharaan. Kita telah dimaklumkan bahawa RM4.4 juta telah diuntukkan bagi bayaran



perunding bagi membeli kapal terbang FA-18 Hornet. Apabila kita lihat begitu banyak dan besarnya perbelanjaan perunding telah dibayar bagi membeli sesuatu alat kelengkapan ketenteraan, akan tetapi apabila kelengkapan ini dibeli, dan dipergunakan, terdapat sebahagiannya tidak dapat digunakan dan timbul masalah teknikal dan sebagainya. Beli kapal terbang, kapal terbang jatuh. Beli 'tank', kereta kebal, tidak dapat digunakan. Beli bot ronda laju, pernah berlaku bot ronda laju tenggelam. Jadi, perkara ini hendaklah diambil kira.

Kalau dikaji sepintas lalu, maka hal ini ada berkait rapat dengan apa yang telah dibangkitkan oleh sahabat kita tadi, Yang Berhormat Tuan Ibrahim Ali dan sahabat kita Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal. Kita bimbang ada berlaku kepincangan, ada sesuatu yang tidak kena berlaku. Tetapi kita harapkan apa yang telah dibangkitkan tadi, kita telah diberi upah dan gaji yang setimpal, maka kita hendaklah tulus ikhlas dengan tanggungjawab yang sewajarnya supaya amanah yang diberikan itu dapat dibalas dengan sesuatu yang lebih baik.

Saya ingin membangkitkan dalam perkara B.15, Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Pada jam 8.00 malam semalam, saya ingin pergi ke hotel Asia, iaitu hotel yang saya selalu tinggal, kerana harganya murah, makan senang. Apabila saya lalu ikut jalan belakang, jalan telah ditutup. Didirikan gerai-gerai yang bersambung dengan kaki lima hotel. Apakah perancangan ini? Kalau kita hendak diri rumah, pecah lot, mesti 10 kaki, 20 kaki, tanah itu mesti diserahkan kepada kerajaan, bangunan jauh dari jalan dan sebagainya. Tetapi tapak kaki lima Hotel Asia dengan gerai yang didirikan bercantum. Inilah pakar perancang bandar dan desa mengkaji dan melaksanakan. Saya pusing kereta saya, lalu di jalan lain, jalan baru. Jalan ini melalui sebuah hotel yang baru dibina, amat elok dan cantik. Saya bimbang sekiranya pembangunan ini dilakukan atas sebab-sebab kepentingan, ini yang membimbangkan kita.

Saya harap ahli-ahli Dewan dan para pegawai yang hadir, kalau ada masa dan ruang, pergilah melihat di sekitar Asia Hotel, tidak bermunasabah dalam bandar raya berlakunya pembangunan yang tidak sepatutnya berlaku. Di tempat lain, telah dibangkitkan tadi.

Saya pergi kepada B.26 Kementerian Pendidikan. Alhamdulillah, keputusan atas pencapaian akademik kita sekarang amat baik. Kita amat bersyukur, tetapi jangan lupa kepada anak-anak kita yang tinggal di kawasan pedalaman. Saya pernah lihat di pekan Gua Musang, para pelajar kita tidur untuk menunggu kereta api pulang ke kampung. Saya tanya dia, dia kata malam kena datang untuk belajar pagi dan waktu malam pulang ke rumah. Maka sewajarnya dan sepatutnyalah perhatian diambil dengan mewujudkan asrama-asrama desa, asrama-asrama berkelompok, sama ada pelajar sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Kalau kita tidak memberi khidmat yang sebaiknya, anak-anak kecil ini akan berasa mereka tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Rasa benci kepada kerajaan akan timbul daripada kanak-kanak lagi. Maka, biarlah kita habiskan wang untuk memberi pendidikan kepada anak-anak kita supaya mereka dapat kemudahan pendidikan yang sewajarnya.

Kita juga mestilah tempatkan guru-guru yang terbaik. Lazimnya guru-guru yang terbaik ini ditempatkan di pekan-pekan, di bandar-bandar. Guru-guru baru yang keluar dari maktab ditempatkan di sekolah-sekolah di pedalaman. Maka saya amat menyokong supaya guru-guru yang terbaik ini ditempatkan di kawasan pedalaman dengan diberi pangkat dan elaun yang setimpal, bukan sahaja mengenang atas kebaikan dan kemampuannya, akan tetapi sebagai ganjaran di atas minatnya untuk mendidik anak-anak bangsa kita di pedalaman.

Saya pergi kepada B.35 Kementerian Dalam Negeri mengenai pendatang halal dan pendatang asing. Pendatang halal ini lazimnya dibawa oleh agensi-agensi pekerjaan yang hanya memikirkan tentang keuntungan mereka sahaja, tetapi tidak memikirkan apakah masalah yang akan timbul nanti, sama ada akan dihadapi oleh kerajaan ataupun rakyat tempatan. Tidak perlu kita huraikan lebih panjang kerana banyak karenah dan masalah yang kita dengar dan kita baca, yang dihadapi bukan sahaja oleh kerajaan tetapi rakyat yang tinggal berhampiran dengan penempatan pendatang-pendatang halal ini dan terdapat juga pendatang haram yang mana pada hemat saya terdapat majikan-majikan yang amat gemar dan amat suka menggunakan pendatang asing, sebab keuntungannya berlipat ganda, boleh dibayar dengan gaji yang rendah, bayar gaji lewat pun tak apa, tak bayar pun tak apa kerana diugut, 'sekiranya awak bising, saya repot kepada polis dan polis akan tangkap awak'.

Bagi saya, terdapat majikan yang memperhambakan manusia demi untuk kepentingan keuntungan perniagaannya. Sebab itulah saya harapkan, sewajarnya diwujudkan akta, kenakanlah hukuman yang seberat-beratnya kepada dalang-dalang ini yang sengaja membawa pendatang haram untuk dibekalkan kepada majikan-majikan dan kita menghukum majikan yang mengambil kesempatan dengan sistem perhambaan ini untuk mencari keuntungan.

Kita jangan lupa bahawa apabila mereka ini tidak dibayar gaji ataupun dibayar gaji dengan harga yang rendah, saya pernah lihat berhampiran dengan rumah saya, majikan tidak membayar gaji dan tidak ada apa yang hendak dimakan. Saya terpaksa masak nasi dan gulai ikan yang murah sahaja, berebut-rebut, menangis menerima sepinggan nasi. Tetapi kalau tidak ada perhatian dilakukan, mungkin mereka inilah yang menjadi penjenayah, perompak, penyamun demi untuk hidupnya, salah siapa? Salah orang-orang yang mengambil kesempatan untuk mencedok keuntungan dalam masa yang singkat.

Saya pergi kepada B.46 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Begitu kuat kempen menguatkuasakan undang-undang bagi menghalang pembuangan toksik, tetapi apabila ditangkap, dibawa ke mahkamah, sehari penjara sahaja. Ini amat memalukan. Kita kempen melalui radio, akhbar, Jabatan Penerangan juga menerangkan bahaya toksik dan sebagainya, keluar tiap-tiap hari dalam TV gambar orang buang tong di tepi jalan dan sebagainya, kempen itu hebat sekali. Apabila terbukti dan ditangkap, dibawa ke mahkamah, sehari penjara sahaja. Maka malasnya orang-orang yang menguatkuasakan undang-undang untuk bertindak kerana kata orang Terengganu 'lelah sangat dah tapi hasil tak ketara mana', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, cukuplah setakat ini dahulu mukadimah yang pertama saya pada petang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Haji Sairin.

**5.28 ptg.**

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1996 dan sebelum itu sekali lagi di Dewan yang mulia ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia atas ihsan beliau melantik saya semula untuk penggal kedua sebagai ahli Dewan Negara. Begitu juga dengan pimpinan Barisan Nasional Negeri Sabah, termasuk beberapa orang pembangkang yang juga telah menyokong agar saya memegang jawatan ini. Dan tidak lupa kepada rakan-rakan, terutama pimpinan UMNO di peringkat pusat atas sokongan kepada saya sebab nampaknya jawatan yang saya pegang hanya 7 bulan, tergendala selama 9 bulan, alhamdulillah, hari ini saya duduk bersama-sama dengan rakan-rakan dan insya-Allah, saya akan cuba menyumbangkan apa yang termampu oleh saya kepada agama, bangsa dan negara yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, saya ingin menyentuh B.11 mengenai dengan Badan Pencegah Rasuah. Telah ramai rakan yang telah memperkatakan mengenai dengan Badan Pencegah Rasuah dan memang tidak dapat kita nafikan nampaknya kita gagal menangani rasuah ini berleluasa berlaku di mana-mana tempat di negara kita, tidak terkecuali 'Negeri Di bawah Bayu' iaitu Negeri Sabah. Kalau ada yang mengatakan bahawa kurang bukti untuk mengambil tindakan kepada mereka yang memberi rasuah dan menerima rasuah, saya fikir ini tidak begitu tepat. Barangkali kalau saya boleh ambil contoh di tempat kami, di negeri Sabah, rakyat Malaysia di negeri Sabah sana juga sedang dilanda dengan gejala rasuah yang begitu menakutkan.

Apa tidaknya, ada seorang rakan tidak mempunyai apa-apa dokumen - rakyat Filipina - saya ingat tidak apa saya sebut nama, so kita sudah ada di Biaga, datang ke negeri Sabah melalui Sandakan, sampai di satu tempat di mana halangan yang sepatutnya orang tidak mempunyai apa-apa keterangan tidak dibenarkan masuk, tetapi dengan, kita pun faham dengan faham, apabila ianya bersuara, maka segala-galanya kebenaran telah tertutup. Berleluasa, bermaharajalelalah orang ini di negeri Sabah selama beberapa bulan, kemudian sampai waktu beliau balik ke negara asalnya tanpa apa-apa dokumen.

Sepanjang perjalanan beliau dari Sandakan ke Lahad Datu, ke Tawau ke Kota Kinabalu, ke tempat saya di Keningau, beliau dapat memboloskan diri, sebab rasuah punya hal. Saya berani mengatakan ini sebab perkara ini benar-benar berlaku. Kita tidak harus takut menyatakan ini. Sebab seandainya perkara ini kita biarkan sepertimana

yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita. Ini adalah gejala yang bakal menghancurkan negara kita yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi hal-hal mengenai dengan rasuah ini yang mana kalau saya sebut satu persatu, mungkin satu jam pun tidak habis. Jadi, kalau kita lihat banyak pihak yang mudah terdedah dengan perlakuan ini, barangkali kalau saya boleh sebut jabatan-jabatan terutamanya pihak Imigresen, pasukan keselamatan. Kalau di Sabah, kita ada Jabatan Hutan, ha itu lagi bermaharajalela lagi di situ. JPJ juga tidak terkecuali - daripada atas sampai bawah. Jadi, kalau ini tidak ditangani, kalau tidak diambil tindakan seserius mungkin, kita tidak perangi rasuah ini berhabis-habisan seperti kita memerangi komunis, seperti kita memerangi dadah, maka akhirnya generasi akan datang negara kita seperti yang telah dituduh antara lima negara yang mengamalkan rasuah tertinggi di dunia.

Ini barangkali cuma tuduhan, tidak tahu sejauh mana kebenarannya. Tetapi, kalau kita lihat memang ada benarnya. Jadi, saya amat bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh pemimpin-pemimpin kanan kita agar perkara ini diambil tindakan secepat mungkin dari masa ke semasa. Kalau perlu pengerusi JKKK ikut campur, kalau perlu penggawa-penggawa, ketua-ketua kampung, pemuka-pemuka masyarakat termasuk ahli-ahli atau pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, ikut serta memerangnya. Kami di pedalaman, kalau diperlukan, saya sendiri ingin menawarkan diri seandainya memerlukan bantuan, insya-Allah, saya akan bantu mana yang termampu.

Yang kedua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pendidikan yang saya rasa ramai rakan-rakan kita yang menyentuh dan kita sedia maklum, namanya pedalaman bukan sahaja di negeri Sabah, malah di seluruh negara, bukan perkara baru bahawa antara masalah kita seperti yang disebut oleh rakan-rakan kita ialah kekurangan prasarana, kekurangan bangunan, kekurangan guru-guru, kekurangan macam-macam kemudahan di kawasan-kawasan pedalaman.

Kalau di bahagian bandar ini atau di kawasan-kawasan bandar di seluruh negara, orang sudah boleh belajar komputer, orang sudah menggunakan komputer dengan begitu mahir dan sebagainya, tetapi malang sekali di bahagian pedalaman, saya percaya, hampir di seluruh negara, ianya masih jauh ketinggalan. Saya ingin mencadangkan agar kementerian lebih serius menangani masalah pedalaman. Saya faham, saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Pendidikan khususnya Kementerian Pendidikan atas inisiatif yang dilakukan tetapi tolonglah, lihat-lihatlah di kawasan pedalaman terutama di pedalaman negeri Sabah yang bukan sahaja tidak mempunyai komputer, yang bukan sahaja tidak mempunyai bangku dan meja tetapi ada separuh-separuh tempat masih menggunakan balai raya dan rumah-rumah dan pondok-pondok yang dibuat secara gotong royong, dibina sebagai tempat untuk menimba ilmu.

Jadi, saya percaya ini boleh diatasi meskipun memakan sedikit waktu. Begini juga, barangkali masalah yang ingin kita cadangkan kepada Kementerian Pendidikan agar guru-guru khususnya di bahagian pedalaman ini, terdapat guru-guru yang sengaja menafikan kejayaan-kejayaan, pembangunan -pembangunan yang telah kerajaan

laksanakan. Saya ingin mencadangkan, kalau boleh supaya mereka yang menentang dasar kerajaan ini diambil tindakan terutama di kalangan mereka ini masa mengajar, bukan mereka mengajar di sekolah, tetapi sambil menabur fitnah menghentam kerajaan yang memerintah.

Saya rasa tidak patut 'bunga dipetik perdu ditendang', ini barangkali untuk di sebelah pedalaman khususnya di negeri Sabah tetapi saya yakin di beberapa tempat di Semenanjung ini juga terdapat mereka yang menjadi penyebar dakwah yang tidak tepat dan tidak betul. Saya harap pihak kementerian akan mengambil kira dan akan sentiasa melihat perkara ini secara serius agar anak-anak kita tidak terpesong dari segi akidah dan dari segi didikan yang diberikan oleh kerajaan yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sentuh mengenai dengan Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan. Satu hal lagi yang saya rasa masalahnya hampir serupa dengan Kementerian Pendidikan di mana kalau kita ke pedalaman yang menggunakan flying doctor services, dengan izin, ataupun doktor udara terutama di negeri Sarawak dan di negeri Sabah, sudah berapa lama ianya diteruskan dan sepatutnya klinik-klinik desa telah dibuat dan masalah doktor udara ini lagi tidak berlanjutan sehingga beberapa tahun.

Saya yakin dan percaya di bawah pentadbiran dan pimpinan kerajaan Barisan Nasional yang ada tidak akan timbul apa yang kita panggil projek kilat, maknanya bila timbul projek kilat ianya tidak terancam, maka ia dinamakan projek kilat. Saya harap akan banyak klinik-klinik desa dibina di pedalaman di seluruh negara agar masalah kesihatan anak-anak rakyat kita akan bertambah baik.

Begitu juga dengan Maksud B.32 -Jabatan Hasil Dalam Negeri, barangkali saya juga ingin menyarankan agar Jabatan Hasil Dalam Negeri meneliti terutama mereka yang sentiasa dilari ataupun sengaja lari daripada cukai pendapatan. Terdapat beberapa, kalau boleh saya sebut, jutawan-jutawan atau korporat-korporat kita yang sengaja lari daripada tanggungjawab mereka untuk membayar cukai yang telah ditentukan. Kalau kita bandingkan negara kita dengan negara-negara lain, negara kita cukup baik dan cukup adil dari segi melaksanakan ini. Malangnya, terdapat mereka yang tidak begitu bertanggungjawab sehinggakan tugas negara seumpama ini, mereka abaikan. Jadi, hak yang sepatutnya diberikan kepada kerajaan terabai begitu sahaja. Janganlah mereka ini dibiarkan mengaut keuntungan kemudian tidak membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan Maksud B.36 - Polis DiRaja Malaysia. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ini barangkali agak khusus di daerah pedalaman yang bernama Keningau mempunyai sebuah bangunan yang berjuta nilainya dan apabila rombakan telah dibuat, kakitangan dan pegawai-pegawai di situ telah dikurangkan, dihantar ke merata Sabah oleh kerana kakitangan Polis DiRaja Malaysia ini juga memang tidak mencukupi terutama di bahagian-bahagian persempadanan dengan negara-negara jiran.

Tetapi bangunan tersebut terbiar begitu sahaja. Jadi, saya ingin menyarankan agar bangunan tersebut, sama ada dibuat sebagai pusat latihan Polis Di-Raja Malaysia ataupun

apa juga bentuk agar harta kerajaan itu tidak terbiar begitu sahaja sehingga ianya tidak digunakan lagi. Masih belum terlambat dan masih boleh digunakan lagi.

Seperkara lagi mengenai dengan Maksud B.36 - Jabatan Pendaftaran Negara. Kadang-kadang kita merasa janggal dan pelik ada orang yang benar-benar boleh menerima pembaharuan kad pengenalan atau sijil kelahirannya dalam tempoh yang singkat, tetapi malangnya ada yang memakan waktu sehingga 8 tahun untuk membaharui kad pengenalan tetapi masih belum dapat.

Kalau boleh saya ambil satu contoh di Lahad Datu, satu daerah barangkali kerana ia berhampiran dengan negara jiran Filipina, mungkin banyak keraguan, tetapi tidak mungkin memakan masa sehingga bertahun-tahun lamanya untuk memproses. Malah saya telah diberitahu oleh beberapa penduduk tempatan di situ, ada kad pengenalan yang sepatutnya diperbaharui, 3 tahun masih berada di Pejabat Pendaftaran berkenaan.

Jadi saya berani mengatakan kakitangan ini tidak cekap. Kerajaan rugi mengambil kakitangan yang semacam ini. Jadi, kalaulah ada kakitangan di seluruh negara yang tidak cekap seumpama ini, yang kalau boleh saya katakan malas dan tidak bertanggungjawab, ambil tindakan. Ini kadang-kadang tidak datang bekerja, tiada langsung tindakan yang diambil. Siapa yang sepatutnya mengambil tindakan? Kita tidak tahu.

Kadang-kadang time kerja kita lihat bukan di situ sahaja, hampir seluruh Sabah, minta maaf, saya percaya barangkali ada juga berlaku di seluruh Malaysia, tetapi tidak seteruk di negeri Sabah. Ini patut juga diawasi. Pegawai-pegawai kerajaan semasa bekerja nampak mereka tidak bekerja, terutama Jabatan Pendaftaran. Saya memohon supaya perkara ini diambil perhatian agar wang kerajaan itu tidak dibazirkan dan diberikan kepada orang yang tidak sepatutnya menerima.

Saya merujuk kepada Maksud B.42 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kalau kita lihat antara tempat di mana masyarakat etnik yang paling ramai ialah di negeri Sabah dan Sarawak. Secara kebetulan, di negeri itu, terutama di Sabah kita mempunyai satu unit yang dipanggil Unit Integrasi Nasional Sabah. Alangkah baiknya seandainya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini dapat senantiasa bekerjasama mencari jalan supaya apa juga anjuran dapat dilaksanakan secara lebih berhati-hati agar penggunaan kewangan kerajaan juga tidak terbazir begitu sahaja.

Untuk makluman, saya pernah menjadi Timbalan Pengerusi, Unit Hal Ehwal Integrasi Nasional, Sabah dan saya dapat lihat, malah saya pernah memohon peruntukan tambahan melaksanakan aktiviti di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, malah jawapannya Unit Integrasi Nasional adalah di bawah kerajaan negeri, jadi apa yang dibuat oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat lain dari apa yang dibuat. Tujuannya sama.

Jadi saya rasa kalau ya pun, kenapa tidak dibuat secara kerjasama, anjuran bersama, kursus bersama dan sebagainya? Jadi, ini juga perlu dinasionalkan dan diintegrasikan agar ianya tidak nampak lain yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan lain pula yang dibuat oleh Kerajaan Negeri, sebab tujuannya lebih kurang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Haji Annuar bin Haji Musa kerana pada pandangan saya beliau begitu prihatin terutama kepada negeri Sabah. Barangkali salah satu kerana jumlah kemiskinan di situ adalah nombor wahid di seluruh negara.

Di samping itu, saya dapat melihat bahawa Desa Wawasan yang beliau ilhamkan telah mendapat sambutan yang begitu baik dengan sokongan daripada Kementerian

Pembangunan Luar Bandar negeri Sabah, ianya berjalan lancar sekarang. Namun apa yang ingin saya cadangkan di sini ialah, kalaulah boleh yayasan membasmi kemiskinan ini dapat diwujudkan di seluruh negara. Kalau tidak pun, barangkali di tempat-tempat yang ternyata mempunyai jumlah kemiskinan yang tinggi dapat kita wujudkan di mana Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan membantu dengan apa cara supaya yayasan membasmi kemiskinan ini dapat dibuat.

Saya kagum dan dalam kesempatan ini ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang mana saya dapat mengikuti melalui radio dan television, saya rasa ini adalah contoh yang bagus. Kementerian Pembangunan Luar Bandar harus mengambil iktibar daripada apa yang mereka telah buat agar jumlah kemiskinan rakyat termiskin di negeri Sabah, Sarawak dan Kelantan itu dapat terus dikurangkan.

Saya percaya dengan adanya yayasan seumpama ini, ianya akan dapat dibuat dengan lebih serius, lebih sistematik dan saya yakin seperti juga Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, beliau yakin dapat dilaksanakan dalam satu tempoh yang agak panjang. Tidak apa, yang penting kita dapat melaksanakan tugas kita untuk membasmi kemiskinan yang malanda negara kita, khususnya negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya merujuk kepada Maksud B.53 - Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Yang Berhormat Datuk Osu bin Haji Sukam kerana FELCRA nampaknya telah pun bermurah hati dan telah pun memanjangkan operasinya ke negeri Sabah. Jadi, sehingga hari ini, kita dapat lihat bahawa rakyat di bawah era Kerajaan Barisan Nasional di negeri Sabah, FELCRA telah dapat membantu memajukan tanah-tanah terbiar.

Apa yang ingin saya sarankan di sini agar FELCRA lebih serius, kalau boleh doubled-up, dengan izin, usaha untuk membangunkan tanah-tanah terbiar yang ada di



Sabah sebab maklumlah, kita di Sabah pun ingin melihat dan mencontohi bagaimana FELCRA dapat membantu rakyat Malaysia di Semenanjung dan rakyat di Sabah juga memang amat dahagakan bantuan seumpama itu. Insya-Allah di pihak kita, mana-mana yang mampu kita tolong, kita akan tolong. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, FELCRA juga sudah mula bertapak di daerah pedalaman yang telah sekian lama menunggu agar ianya datang ke sana. Malangnya, kerana kerajaan yang lalu di bawah Kerajaan PBS, mereka tidak menerima FELCRA ini untuk membantu Negeri Di Bawah Bayu. Tahniah!

Begitu juga dengan FELDA, ada sebuah tanah yang luasnya cukup besar di daerah Suk, Keningau, Sabah. Jauhnya dari Kota Kinabalu lebih kurang 210 kilometer, tidak berapa jauh juga. Jadi, ada tanah milik FELDA di sana yang diberikan dalam era kerajaan berjaya memerintah negeri Sabah. Itu juga sedang kami tunggu dan sedang kami nantikan. Insya-Allah apabila perkara ini dapat dilaksanakan di negeri Sabah, saya percaya rakyat di pedalaman yang mana Ahli Parlimennya diwakili oleh Ketua Pembangkang negeri Sabah akan bertukar fikiran dan akan menukar minda melihat bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad betul-betul dan serius memajukan rakyat di negeri Sabah.

Jadi, untuk itu saya mohon supaya FELDA yang mempunyai tanah, kalau tidak silap saya 25,000 hektar lebih keluasannya agar segera datang ke sana untuk memajukan tanah tersebut. Jangan biarkan ianya menjadi hutan semula. Secara kebetulan, barangkali Koperasi Anak Negeri di negeri Sabah sehingga hari ini belum diwujudkan.

Saya juga memohon agar Kementerian Pembangunan Koperasi ini dapat membantu mewujudkan Koperasi Anak Negeri yang sememangnya amat perlu demi untuk membantu menaikkan taraf kehidupan di samping lari daripada belenggu

kemiskinan dengan adanya Koperasi Anak Negeri yang kelak dibantu, diselia dan diberi apa juga bantuan oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan Terima kasih kerana berpeluang untuk turut membahas suatu rang undang-undang iaitu Akta Perbekalan Tambahan Bil. (2) 1996. Cumanya sebelum saya meneruskan perbahasan saya ini, saya ingin mengingatkan pihak Dewan supaya menghantar perkara-perkara yang berkaitan dengan perbahasan ini lebih awal.

Kita hanya menerima akta ini lebih kurang sehari sebelum datang ke sini dan memorandum di dalam Kertas Perintah (22) 1996 ini baru kita dapat hari ini sahaja. Oleh itu, kita mungkin tidak dapat meneliti dan menghalusi perkara-perkara penting di bawah huraian yang diberikan di dalam Memorandum Perbendaharaan mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1996 bagi Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang kita perhatikan dalam akta ini, di bawah maksud dan juga tajuk-tajuk yang diberi iaitu semuanya mengandungi 31 maksud dan 31 tajuk. Di dalam 31 ini, didapati 24 maksud dan 24 tajuk itu juga adalah terdiri daripada peruntukan tambahan untuk penyelarasan gaji dan elaun yang berjumlah RM151,970,400 dan 7 maksud di bawah 7 tajuk ialah perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berjumlah RM420,013,755.

Ini menunjukkan bahawa kerajaan telah memperuntukkan satu jumlah yang cukup banyak bagi melicinkan pentadbiran untuk kepentingan rakyat. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan tambahan peruntukan untuk

pelarasan gaji dan elaun ini yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkali-kali mengingatkan supaya tambahan gaji dan elaun kita beri termasuk kepada Ahli Parlimen dan wakil rakyat ini hendaklah selaras dengan khidmat dan kualiti perkhidmatan yang diberikan.

Adalah amat mendukacitakan bahawasanya ini masih kedapatan pegawai-pegawai kerajaan dan pada suatu ketika Ahli-ahli Parlimen sendiri di Dewan Rakyat, yang mana mereka tidak mengikuti persidangan dengan sepenuhnya sehingga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri terpaksa menegur bahawa semua menteri-menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen termasuk ahli-ahli parlimen hendaklah berada sepenuh masa sepanjang persidangan kerana kehadiran mereka ini adalah termasuk saya sendiri sebagai ahli Dewan Negara adalah dibayar elaun, diberi elaun.

Begitu juga kepada pegawai-pegawai kerajaan, saya mencadangkan setakat ini kita dapati masih terdapat loose hold, di mana pegawai-pegawai kerajaan hanya pergi waktu pagi dan punch card sahaja, selepas itu, selepas 10 minit mereka keluar pergi dan mencari tempat minum. Bila orang ramai datang pada jam yang tepat, katanya pegawai tidak ada lagi dan kalau pegawai itu tidak ada, pegawai lain tidak boleh tolong buat kerja dia. Oleh sebab itu, perkhidmatan yang dikatakan bersih, cekap dan amanah, kualiti ISO 9000 ini, kadang-kadang saya rasa seolah-olah sebagai satu iklan hendak menggambarkan bahawa kita sudah sempurna segala-galanya.

Pada hal, kalaulah kita benarkan mana-mana institut pengajian tinggi ataupun kita melantik satu badan petugas khas di peringkat kebangsaan dan juga di tiap-tiap negeri termasuk daerah untuk menerima rungutan orang ramai, saya percaya penuh masih banyak rungutan berkaitan dengan masalah-masalah yang timbul bagi mendapatkan perkhidmatan di jabatan-jabatan kerajaan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada guna kita peruntukan jumlah yang begitu besar bagi menambahkan gaji dan elaun sedangkan perkhidmatan masih lagi tidak memberi kemudahan kepada rakyat. Oleh itu, sekali lagi saya menegaskan kerajaan perlu menubuhkan satu badan petugas khas untuk menerima aduan daripada rakyat untuk menilai sejauh mana perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai-pegawai kerajaan ini dapat ditingkatkan dan memberi kemudahan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan ini kalau sekiranya kerajaan merasa agak sukar hendak menubuhkan badan petugas khas ini, kerajaan boleh memberi tugas ini kepada institut pengajian tinggi seperti universiti-universiti yang ada sekarang ini yang mana semuanya berjumlah 7 buah, kita boleh beri tugas ini kepada bahagian-bahagian tertentu dan biarlah badan-badan yang bebas ini membuat penilaian sejauh mana perkhidmatan yang diberi oleh pegawai kerajaan dan di mana kelemahan-kelemahannya.

Kadang-kadang misalnya saya bagi satu contoh, timbul aduan di hospital Jitra berkenaan dengan pesakit yang membawa seorang anak tiba-tiba tidak mendapat rawatan yang sedia ada, selepas itu kita tengok dalam surat khabar, pengarah hospital memberi jawapan sebenarnya ada dan sebagainya, lepas itu timbul pula laporan complaint daripada penduduk di situ juga. Sebab itulah, kalau kita benarkan ketua jabatan yang memberi penjelasan sudah tentu mereka akan mempertahankan, mengatakan bahawa sebenarnya perkhidmatan itu telah ada tetapi keadaan sebenar kita tidak tahu. Cumanya ada laporan dari pihak yang pergi untuk mendapatkan rawatan dan pihak jabatan pun memberi jawapan mengatakan perkhidmatan itu ada. Keadaan yang sebegini sebenarnya mengelirukan dan saya percaya penuh rakyat masih timbul tanda tanya, sejauh mana yang dikatakan perkhidmatan yang diberikan itu dapat memberi kemudahan kepada rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berkenaan Maksud B.6, sekali dengan Maksud B.26 sebab dia ada kaitan. B.6 ialah Suruhanjaya Perkhidmatan

Pendidikan, B.26 ialah Kementerian Pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di Dewan Rakyat kita dengar Timbalan Menteri menjawab kepada suatu perkara yang dikemukakan iaitu permohonan untuk menubuhkan institusi-institusi pengajian tinggi yang bernama Kolej Era Baru, kalau tidak silap saya dan Timbalan Menteri telah memberi jawapan secara rasmi bahawa kerajaan tidak meluluskan dan ini telah diputuskan oleh Kabinet.

Malangnya Menteri Kabinet termasuk di dalam orang yang diberi mandat di dalam kerajaan Barisan Nasional ini menentang, menegur perkara itu, menimbulkan isu itu di dalam akhbar mengatakan tidak ada sebab kerajaan tidak meluluskan penubuhan. Saya percaya cara ini adalah tidak sihat sebab perkara ini kerajaan sudah putus, tidak lulus, tentu ada sebab tertentu. Kita bukanlah menghalang daripada mana-mana pihak untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi tetapi biarlah kita jangan jadikan usaha-usaha hendak menubuhkan institusi pengajian tinggi yang bercorak perkauman ini sebagai satu perkara untuk menyelamatkan parti politik. Kita biarlah pertubuhan institusi pengajian tinggi itu semata-mata untuk kepentingan negara kita, rakyat Malaysia.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, rakyat sangatlah memandang berat di atas perkembangan yang tidak sihat seperti ini. Saya ingin juga menegur berkenaan dengan perkembangan yang kita dapati iaitu kecenderungan rakyat Malaysia yang pada hakikatnya kita kenakan syarat, mereka-mereka yang memohon hendak menjadi rakyat ini, satu syaratnya boleh berbahasa Melayu, Bahasa Malaysia. Jadi, malangnya kalau kita ikuti wawancara yang dibuat oleh pihak TV mengenai sesuatu isu ada setengah-setengah pihak yang cuba hendak bertutur dalam Bahasa Malaysia, tetapi apabila gagal terpaksa bercakap dalam bahasa Inggeris. Kecenderungan yang seperti ini menunjukkan bahawa walaupun kita sudah merdeka hampir dekat 40 tahun tetapi masih ada orang yang tidak boleh bertutur dalam bahasa rasmi negara kita.

Soalnya bukan bahasa Melayu, bahasa rasmi negara, ini tidak timbul jika kita tidak membenarkan rakyat menggunakan bahasa-bahasa lain. Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini. bahawa saya dan beberapa orang rakan termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri, sempat melawat ke Indonesia dalam Persidangan IFNGO bersangkutan dengan masalah dadah.

Kita rasa syukur bahawa di Indonesia, perkara yang saya sebutkan tadi, soal kenegaraan - ini ada kaitan dengan Kementerian Pendidikan - dapat dilaksanakan di sana dengan sebaik-baiknya. Malah apabila kita pergi melawat ke satu tempat di mana peniaga-peniaganya semua orang-orang Cina tetapi bahasa yang mereka tutur ialah bahasa Indonesia. Iklan yang ditulis itu pun ialah ditulis dalam Bahasa Indonesia.

Perkembangan seperti ini sepatutnya berlaku di Malaysia, tetapi malangnya macam saya tanya tadi kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membenarkan orang membuat iklan dengan tidak mengutamakan, menteri yang berkenaan tadi menyatakan bahawa akta sudah ada, supaya mensyaratkan bahasa rasmi diletakkan di tempat utama, bahasa lain boleh digunakan tetapi ditulis dengan huruf kecil. Tetapi, apa yang berlaku sebenarnya, saya tak ingin hendak mendengar sama ada undang-undang itu ada atau tidak, yang pentingnya penguatkuasaan. Tidak ada makna kita tulis undang-undang di dalam buku, tetapi penguatkuasaannya tidak berkesan. Cuba kita perhatikan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, kita berharap Kementerian Pendidikan akan mencari jalan supaya mendidik rakyat negara ini taat setia kepada negara, melaksanakan perkara-perkara yang boleh membawa kepada perkara yang taat setia kepada negara ini supaya identiti sebagai rakyat Malaysia itu tidak nampak seolah-olah kita nampak orang Cina ada kumpulan orang Cina, orang India begitu juga, orang Melayu begitu juga.

Di Amerika walaupun ada Negro, walaupun ada orang berkulit putih, tetapi bahasa yang mereka tutur ialah bahasa Amerika, bahasa Inggeris, tidak nampak sangat ketara.

Tetapi, di negara kita, saya berasa amat dukacita, saya sebut ini bukanlah saya menghalang daripada mengguna apabila kelompok-kelompok kaum ini berkumpul, mereka lebih cenderung untuk menggunakan bahasa kaum masing-masing di tempat-tempat rasmi. Inilah gejala-gejala yang pada pendapat saya, kalau kita tinjau tengok menjelang abad 21 ini, adalah suatu gejala yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut berkenaan dengan Badan Pencegah Rasuah. Kita dapati Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyebutkan iaitu kerajaan akan memberi lebih kuasa dan mungkin kerajaan akan meletakkan Badan Pencegah Rasuah ini di bawah satu badan yang lebih bebas, lebih mempunyai kuasa dan lebih berani untuk menjalankan tugas dan mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Badan Pencegah Rasuah tambahan yang diberi kepada Badan Pencegah Rasuah ini walaupun melibatkan penyelarasan gaji dan elaun, adalah diharapkan pegawai-pegawai di bawah Badan Pencegah Rasuah ini tidak takut untuk menjalankan tugas mereka, sebab soal hendak menyiasat kejadian rasuah ini adalah satu soal yang cukup rumit. Tidak ada orang yang sanggup memberi maklumat yang secara tepat, tetapi perkara rasuah ini diketahui berlaku di banyak jabatan dan juga kementerian.

Misalannya, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri pernah menyebut soal hendak mendapat kontrak dan banyak perkara lagi dan mungkin perkara rasuah ini berlaku di dalam jabatan-jabatan di mana melibatkan pengambilan pegawai dan pekerja-pekerja.

Oleh sebab itu, kita berharap kerajaan akan mencari satu jalan di mana pegawai-pegawai di dalam Badan Pencegah Rasuah ini dapat menyiasat dengan lebih berkesan lagi dan tidak takut kepada mana-mana pihak. Kita tidak mahu golongan orang biasa

yang terlibat dengan rasuah ini sahaja diambil tindakan, sedangkan pihak yang betul-betul rasuah, yang melibatkan wang berjuta-juta ringgit masih boleh terlepas lagi.

Satu contoh yang sehingga sekarang ini, kita belum tahu kedudukannya ialah kes Perwaja dan ini jelas bahawa kerugian lebih daripada RM2 billion ini melibatkan pihak yang lebih di atas lagi, cumanya pihak Badan Pencegah Rasuah menyebut dalam laporannya yang hampir siap dan belum dikemukakan lagi kepada pihak Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan Jabatan Muzium dan Antikuiti. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian juga kepada apa yang dibuat oleh pihak muzium di Indonesia. Misalannya Peristiwa Gestapo-PKI. Kita pergi melawat ke tempat itu selepas itu diadakan muzium di mana kita boleh mengikuti detik-detik perkembangan yang berlaku daripada mula penubuhan Parti Komunis Indonesia, gerakan berlaku pemberontakan sampai ke akhirnya berlaku Peristiwa Gestapo-PKI.

Oleh sebab itu, saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan negeri kita supaya menubuhkan suatu muzium yang menunjukkan peristiwa-peristiwa penting daripada mula penjajahan dahulu, lepas itu diikuti dengan pemerintahan Jepun dan sebagainya, pemerintahan Parti Komunis sekejap dan apa yang berlaku sampailah akhirnya. Sebab ini penting!

Apabila penuntut-penuntut daripada sekolah pergi melawat dan penduduk-penduduk dari luar bandar pergi melawat, mereka mengetahui perkembangan. Sekarang ini apa yang kita ada di muzium ialah secara seimbans lalu sahaja, tidak mengikut urutannya. Oleh sebab itu, ianya tidak berkesan. Kalau kita buat begini, mungkin ianya dapat memberi suatu didikan yang sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut berkenaan dengan Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan. Baru-baru ini kita dengar, Kementerian Kesihatan, bahagian-bahagian perkhidmatan yang tertentu akan diswastakan. Dan Kementerian Kesihatan ini



adalah satu kementerian yang sangat penting. Ianya melibatkan perkhidmatan rawatan kesihatan kepada rakyat umum.

Bagi orang-orang yang mampu, mereka ini tidak begitu menghadapi masalah, sebab mereka boleh pergi kepada klinik-klinik dan hospital-hospital swasta yang mana boleh memberi perkhidmatan yang jauh lebih baik lagi. Tetapi, bagi rakyat biasa, hospital-hospital inilah tempat di mana mereka boleh mendapat rawatan.

Tetapi, malangnya sehingga sekarang ini kita masih boleh dapati, saya persilakanlah dan saya berani mengatakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, kalau berkesempatan satu hari, pergilah ke hospital dan melihat sendiri apa yang berlaku.

Saya pernah pergi ke hospital dan pergi membawa anak saya dan dalam masa yang sama saya pernah pergi melawat, duduk di tempat pesakit luar itu, apabila kita tengok di situ, kita rasa amat sedih sekali, sebabnya, dari segi layanan di kaunter-kaunter, sama ada kaunter untuk mendapatkan kad rawatan, sama ada kaunter untuk mendapatkan rawatan, sama ada kaunter untuk mendapatkan ubat.

Kita dapati sistem kaunter di hospital ini adalah menyulitkan rakyat, kadang-kadangnya perkara itu tidak berjalan mengikut sistem. Saya tak cerita lagi berkenaan dengan rawatan doktor, pesakit-pesakit ini apabila masuk bukan mereka hendak periksa, perkara yang mereka tanya pertama sekali: “Apa sakit?” Sepatutnya, mereka sendiri yang memberi rawatan, periksa dahulu, selepas itu baru bertanya. Ini tidak, tanya dahulu lepas itu baru tulis. Bila tanya: “Apa sakit?” - dia pun tulis! Bila pergi ambil tempat ubat, dia beri ubat panadol. Ubat panadol, ubat antibiotik dan sebagainya. Ubat batuk dia beri ubat batuk macam itu juga.

Oleh sebab itu, saya rasa apabila diswastakan kelak, saya bimbang bila bahagian yang diswastakan ini apa yang difikirkan ialah dari segi mendapat keuntungan. Sebab

kita sudah melihat, baik tol, lebuhraya dan sebagainya, semuanya dia lebih motivated kepada untuk mendapat keuntungan lebih.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, di bawah Kementerian Kesihatan ini, kerajaan perlu mencari jalan supaya bahagian yang diswastakan ini dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan dengan boleh mengurangkan kos, rakyat biasa tidak jadi mangsa. Kita hendaklah mempunyai suatu cara di mana rakyat biasa boleh mendapat rawatan dengan sebaik-baiknya dan tidak melibatkan perbelanjaan yang tinggi, sebab kita tahu rakyat biasa adalah penting termasuklah pelajar-pelajar di sekolah ini, kalau mereka hanya mendapat rawatan seperti di klinik-klinik di luar bandar, tidak ada makna kita menggalakkan rakyat supaya pergi mendapat rawatan kesihatan di hospital-hospital.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.42 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi, apabila saya sentuh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, saya menekankan soal perpaduan rakyat. Saya sedar bahawa memang, apabila saya sentuh berkenaan soal bahasa, soal budaya, soal perpaduan di antara, ada pihak-pihak, kalaulah orang itu kaum tertentu, maka saya ini orang Melayu yang bercakap, maka tentulah dia memikirkan bahawa perkara itu tidak logik dan saya tidak pernah, kalau disebut bersangkutan macam ada satu ketika dahulu, dalam Dewan Rakyat, Karpal Singh ada menyebut, dia keluar dalam surat khabar, katanya - dia menafikan bahawa dia mengatakan orang Melayu kurang ajar, selepas itu dalam huraian itu balik, kita tengok dia sebut, kawan itu nama sekian-sekian, perangnya begitu dan dia orang Malayu - akhirnya? Jadi, kesimpulannya, orang bodoh macam mana pun mengatakan Karpal Singh menyebut, seolah-olah maksudnya itu macam orang Melayu kurang ajar betullah.

Jadi, perkara semacam inilah yang saya sebut tadi, kita hendaklah berhati-hati dan kita hendaklah betul-betul melihat dari segi isu tentang perkara itu, bukan sensitif mengikut kaum. Saya bercakap tadi atas prinsip bahawa bahasa Melayu adalah bahasa rasmi, agama Islam adalah agama rasmi. Kalau sudah termaktub di dalam Perlembagaan dan kalau saya bercakap dianggap sebagai perkara perkauman, isu sensitif, saya tidak tahu di mana asas yang kita boleh pegang. Oleh sebab itu, peranan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini adalah sangat penting. Janganlah ia hanya sebagai suatu agensi yang boleh mengaturkan rukun tetangga, buat majlis syarahan, ceramah, majlis tari menari, tetapi akhir-akhirnya kita tidak tahu asas identiti negara apa dia. Jenis-jenis tarian yang kata berpegang kepada unsur-unsur budaya tertentu pun kita tidak tahu, cumanya bila kita perhatikan - ini tarian orang Cina, ini tarian orang India, ini tarian orang Melayu - apa dia budaya nasional yang kita maksudkan? Ini penting, begitu juga dari segi aktiviti-aktiviti lain. Jadi, janganlah kita adakan aktiviti-aktiviti hanya sebagai mengadakan program sahaja, sedangkan matlamat yang pentingnya tidak ada lagi, cuma dia bergerak sebagai satu aktiviti di bawah kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan Kementerian Pengangkutan, saya ingin menyentuh - sudah berkali-kali saya sebut, apabila kita pergi melawat di Jakarta, lebuh raya dari Jakarta sampai ke Bandung, saya tidak berjumpa polis yang membuat roadblock, yang membuat speed trap. Jadi, maknanya, kenderaan - tulis had laju pun tidak ada di tepi jalan, tetapi dia boleh berjalan seperti biasa dan kita tidak jumpa kemalangan berlaku. Kenderaannya banyak dan di lebuh raya itu pula, saya dapati dibuat jejambat yang kerap-kerap. Di mana-mana tempat yang ada sawah bendang, yang orang ramai duduk, maka dibuat jejambat, tetapi di negara kita, kita dapati, hendak berjumpa antara satu jejambat melintas sesuatu lebuh raya itu - jauh, dan ini menyebabkan rakyat biasa yang terlibat dengan mata pencarian sebagai petani, pekebun-pekebun kecil dan

juga peladang-peladang ini terpaksa membuka pagar itu sendiri, sebab terpaksa mencari jalan lintas.

Kita kena ingat, semasa kerajaan ambil tanah hendak membuat jalan dahulu, mungkin tuan tanah itu duduk di sebelah sini, tetapi tanah dia ada di sebelah sana. Oleh sebab itu, mahu tidak mahu dia memerlukan satu jalan pintas untuk pergi mengusahakan tanah dia. Dia terpaksa cari jalan - cuba kita bayangkan. Kalau dia terpaksa ambil jalan jauh untuk pergi kepada sesuatu jejambat dan hendak patah balik, dia kena belanja minyak hari-hari, masa dia hendak pergi, membazir sahaja. Sedangkan kerajaan membuat lebuhraya ini, dia lebih mementingkan orang yang mempunyai kepentingan dari segi perniagaan, orang yang ada kenderaan, yang ada lori, orang yang mendapat untung banyak seperti PLUS, tetapi rakyat biasa banyak masalah.

Kita tidak mahu mendengar banjir berlaku, yang terima selut itu orang yang duduk di rumah-rumah murah, orang-orang susah, tetapi yang mendapat manfaat dan keuntungan ialah pemaju-pemaju atau kontraktor yang terlibat dengan orang yang membuat pembangunan. Inilah yang berlaku sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan, sama ada PLUS ataupun pihak-pihak mana yang bertanggungjawab, hendaklah membina jejambat yang lebih banyak di tempat-tempat di mana penduduk terlibat sebagai petani dan juga pekebun kecil, mahu pun penempatan rumah-rumah murah ini. Janganlah memikirkan kepentingan untuk keselamatan, dan hendak menjimat wang untuk kepentingan syarikat yang diberi peluang untuk menguruskan lebuhraya itu sahaja.

Berkenaan dengan jejambat yang selalu orang suka duduk dan baling batu kepada kenderaan ini, saya lihat di Jakarta, mereka pasang jaring. Kita bukan banyak jejambat. Jejambat itu sedikit dan perbelanjaan untuk memasang jaring itu tidak banyak - sedikit sahaja. Pasang jaring tinggi sedikit di jalan yang melintasi lebuhraya itu sahaja. Kalau

pasang jaring, orang yang duduk di situ dia tidak boleh baling batu - jaring dawai, besi itu buat bagi tinggi. Ataupun kita jadikan kawasan itu kawasan larangan. Tetapi pada pendapat saya dengan menjadikan kawasan itu kawasan larangan adalah tidak logik, memasang jaring itu lebih sesuai lagi. Jaring di pasang, bila orang duduk, kalau dia hendak roboh atau sebagainya, polis boleh buat rondaan dan kita boleh tahu. Jadi, siapa yang hendak duduk di situ dia boleh duduk, tetapi dia tidak boleh baling batu. Ini tidak, timbul orang baling batu hingga pecah cermin motokar, kemudian kena di mata dan sebagainya - masuk akhbar di merata ceruk, seolah-olah tiada jalan keluar. Inilah saya mencadangkan supaya pihak PLUS ataupun kerajaan memasang jaring di jejambat supaya perkara atau kejadian seperti membaling batu itu tidak berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan lori-lori treler yang berhenti di tepi jalan, termasuk lori-lori yang tuan empunya duduk berhampiran dengan lebuh raya, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan hendaklah mengambil tindakan yang tegas. Kita dapati hari ini, saya datang dari Kangar, Perlis, terus memandu, saya dapati banyak lori-lori, termasuklah kereta-kereta yang tidak patut lalu pun di lebuh raya ini yang rosak, tinggal di tepi jalan, seolah-olah tidak ada pihak yang boleh mengambil tindakan. Pagi-pagi lagi saya lihat di tepi jalan itu lori treler sudah 2, 3 baris di tepi jalan sebab tuannya duduk berhampiran, dia terpaksa tinggalkan lori di situ.

Kalau pihak Pengangkutan Jalan atau pihak PLUS tidak mencari jalan untuk hendak, sama ada tidak membenarkan langsung ataupun kalau benarkan, dia mesti ada satu 'signboard' yang menunjukkan ini, maka perkara yang berlaku seperti accident yang hari-hari kita tengok dan baca di dalam surat-khabar tidak boleh dielakkan, mesti berlaku juga, sebab di lebuh raya, tidak ada ruang yang hendak memandu dengan perlahan dan saya percaya penuh, kalau kita hendak control speed di lebuh raya, lama-lama accident berlaku dan jammed juga akan berlaku kerana kita hadkan (limit), lebih-lebih lagi pihak-

pihak yang kita tengok sekarang ini, saya minta maaf - saya dok perhati tengok plate nombor kereta dan kenderaan yang lalu di lebuhraya itu banyak daripada Pulau Pinang - saya minta maaf.

Mereka ini selalu mengamalkan memandu di sebelah kanan, kita duduk di belakang beri lampu, kadang-kadang dia buat tidak tahu sahaja. Ini adalah satu sikap yang, saya berpendapat, boleh menyebabkan berlaku kemalangan di lebuhraya, tetapi mengikut laporan polis baru-baru ini, saya ada membuat potongan akhbar, tetapi saya minta maaf kerana tidak bawa di sini, kemalangan yang banyak berlaku, yang menyebabkan kemalangan jiwa ialah di kawasan yang bukan lebuhraya - jalan-jalan biasa. Lebuhraya hanya berlaku kemalangan yang tidak melibatkan kemalangan nyawa.

Misalnya yang berlaku di Genting Highland baru-baru ini, itu bukan berlaku di lebuhraya. Begitu juga di Segamat dan Kuantan, saya ingat itu bukan lebuhraya, itu juga jalan biasa. Tetapi itu disebabkan kecuaiannya dan disebabkan oleh ada pihak-pihak yang meletakkan kenderaan di tepi jalan dengan tidak meletakkan papan tanda ataupun lampu yang jelas untuk di lihat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, Kementerian Pengangkutan, sudah sampai masanya hendaklah bertindak dengan lebih tegas lagi. Undang-undang yang mengenakan denda yang sedikit tidak boleh menghalang orang ramai daripada melanggar peraturan. Kalau kita perhatikan, macam yang disebut di Singapura dan di Indonesia, kita dapati di situ, polis tidak berapa kelihatan, tetapi apabila berlaku sesuatu, tiada maaf. Undang-undangnya cukup ketat. Oleh sebab itu, bayaran denda (kompau) yang boleh diturunkan sehingga RM50 ini tidak sesuai lagi. Apabila kita tetapkan denda, kita mesti tingkatkan (tinggikan) dan tidak ada maaf, tidak ada tolak ansur, tetapi hendaklah berlaku adil.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa setuju supaya polis ini, sepanjang masa dan hari-hari terpaksa membuat roadblock. Macam kita datang ke sini sepanjang jalan

ada sahaja tempat polis menunggu, saya tidak tahu apa matlamatnya. Saya ingat kalau orang-orang daripada negara yang saya sebut tadi datang, malah di Arab Saudi dan di negara-negara lain pun, tidak ada polis yang ramai yang tunggu di tepi jalan, tetapi di negara kita ini ada. Ini, saya tidak tahulah, apa tujuannya. Oleh sebab itu, kita hendaklah mendidik rakyat dan penguatkuasaan undang-undang mesti tegas, tidak ada tolak ansur lagi.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Saya ada mengemukakan satu soalan bersangkutan dengan tanah rizab Melayu, tetapi jawapan kepada soalan saya itu ditolak kerana bidang kuasa yang bersangkutan tanah ini katanya adalah di peringkat kerajaan negeri. Saya tidak tahu apa peranan Majlis Tanah Negara, saya tidak tahu apa perkara yang kita bincang bersangkutan dengan tanah di peringkat Persekutuan sedangkan soalan saya itu ditolak, kerana perkara ini adalah bersangkutan dengan kerajaan negeri. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak yang berkenaan mengapakah status tanah rizab Melayu itu yang menghalang pembangunan? Kalau tanah itu di dalam bandar, biarlah dia duduk statusnya sebagai tanah rizab Melayu, tetapi mengapa pembangunan tidak boleh dibuat? Yang hendak dibangunkan di atas tanah itu boleh dibuat bangunan, ubahkan syarat,. Kalau boleh kita ubahkan syarat, tetapi status tanah mesti tanah rizab Melayu.

Saya sendiri tidak tahu bagaimana hendak fikirkan mengapa tanah rizab Melayu di dalam bandar tidak boleh dibangunkan dan menjadi masalah? Banyak perkara yang boleh diubahsuai. Oleh sebab itu kita mencadang supaya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi khasnya Majlis Tanah Negara ini memikirkan kalau undang-undang yang sudah lama itu menjadi penghalang, sebab kita tahu undang-undang ini dahulu dibuat oleh penjajah dan penjajah ini sudah tentu akan membuat satu undang-

undang yang akan menimbulkan masalah. Jadi, pinalah undang-undang, buang cerian-cerian yang menghalang untuk pembangunan tanah simpanan Melayu ini. Itulah pendapat saya supaya tanah-tanah rizab Melayu ini dikekalkan, yang mana telah diambil hendaklah diganti dan pembangunan mesti diteruskan tidak ada satu masalah ataupun halangan yang menyebabkan tanah-tanah yang di bawah rizab Melayu ini, tidak mempunyai nilai dan tidak boleh dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekalil, saya memohon maaf sekiranya dalam perbahasan saya tadi ada perkara-perkara yang mungkin menyentuh mana-mana pihak dan saya anggap inilah satu-satunya tempat untuk saya menyatakan pandangan rakyat di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Rahim bin Baba.

**6.23 ptg.**

**Datuk Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada lima minit lagi ya, boleh habiskan cepat?

**Datuk Rahim bin Baba:** 10 minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** 10 minit lagi ya, saya tengok jam saya lima minit cepatkah?

**Datuk Rahim bin Baba:** Yalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jam itu lambat.

**Datuk Rahim bin Baba:** Saya pun tadi hendak mengingatkan tentang jam itu, tetapi Tuan Yang di-Pertua sudah peka perkara itu baguslah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berucap membahaskan dan juga memberikan sokongan kepada rang undang-undang ini, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah pun



dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya percaya perlantikan Tan Sri memanglah dialu-alukan sebagai seorang yang sungguh berpengalaman, telah banyak berpengalaman, pernah menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri di ketika Allahyarham Tun Dr. Ismail dan juga selepas itu pernah menjadi Timbalan Menteri kepada mendiang Tun Tan Siew Sin. Ini adalah dua pengalaman yang saya percaya tentulah akan dibawa ke dalam Dewan ini dan juga pernah menjadi Menteri Besar Kelantan selama 18 tahun, sebelum itu sebagai majistret dan juga pegawai undang-undang di Johor, di Terengganu, Menteri Pendidikan, dan juga Menteri Perusahaan Awam. Jadi, saya percaya dengan pengalaman yang Tuan Yang di-Pertua lalui tentulah dapat membimbing ahli-ahli Dewan ini untuk menaikkan lagi imej Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama juga iaitu di dalam Maksud B.1 iaitu soal Parlimen. Jadi, saya ingin menyentuh perkara ini dan saya harap kepada pihak Parlimen khasnya pentadbiran Parlimen supaya pada masa yang sama juga memikirkan soal perlantikan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, kerana telah sebegitu lama, jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara ini telah pun kosong. Saya percaya ahli-ahli yang ada di dalam Dewan ini tentulah mempunyai kelayakan-kelayakan untuk dilantik menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, kerana dengan itu dapatlah membantu tugas-tugas Yang di-Pertua, yang berat, jadi dapatlah kita sama-sama mainkan peranan. Saya berharap perkara ini tidak dipandang ringan oleh pihak pentadbiran Parlimen kerana ianya telah pun hampir 2 tahun kita tidak ada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, yang ada ini pun cuma sebagai pengganti sahaja. Dapat elaukah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun tidak tahu.

**Datuk Rahim bin Baba:** Secara sukarela sahaja. Tetapi kita mengharapkan supaya seorang Timbalan Yang di-Pertua dapat dilantik untuk membantu Tuan Yang di-Pertua pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan rang undang-undang ini, saya ingin menyentuh pertamanya tentang peruntukan kepada Maksud B.7 iaitu peruntukan berjumlah RM30 juta untuk Multimedia Development Corporation (MDC), peruntukan ini adalah sebagai geran pelancaran, penubuhan Multimedia Development Corporation. Kita memang mengalu-alukan usaha kerajaan untuk melahirkan satu masyarakat yang bermaklumat, masyarakat yang dengan information technologynya ataupun yang terdedah kepada teknologi maklumat. Tetapi pada masa yang sama saya juga berharap di mana Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno telah menimbulkan tadi terdapat di kawasan-kawasan pedalaman masih belum mempunyai infrastruktur yang mencukupi.

Dahulu saya telah bangkitkan terdapat lagi sekolah-sekolah yang belum ada bekalan elektrik, hampir 2,00 buah sekolah di kawasan-kawasan pedalaman seperti di Sabah, di Sarawak, malah di Semenanjung pun saya percaya masih ada lagi sekolah-sekolah yang belum ada bekalan elektrik. Jadi, bagaimanakah sekolah-sekolah ini hendak menggunakan, hendak berkecimpung sama dalam teknologi maklumat yang kita ura-urakan ini dan pada masa yang sama apabila kita melancarkan MDC ini? Kita berharap juga pihak kerajaan khasnya pihak Kementerian Kewangan akan memikirkan dan juga memberikan peruntukan-peruntukan yang mencukupi kepada sekolah-sekolah khasnya di kawasan-kawasan luar bandar. Kita tidak mahu kesannya - bukan hari ini, bukan esok.

Saya telah banyak kali katakan dari segi pendidikan ini, Tuan Yang di-Pertua pun pernah menjadi Menteri Pendidikan, kesan sesuatu itu bukannya berlaku pada hari ini ataupun esok, dia akan dapat kita lihat dalam masa 10 atau 15 tahun yang akan datang. Kita tidak mahu berlakunya jurang perbezaan di antara pelajar-pelajar yang celik komputer dengan pelajar-pelajar yang tidak tahu-menahu tentang komputer. Pada masa itu, barulah kita hendak memikirkan langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya katakan sekali lagi kesannya akan dapat kita rasai dalam masa 10 atau 15 tahun yang akan datang. Jadi, mulai daripada hari ini bersama dengan pihak kerajaan kita arrest masalah ini, kita atasi masalah gap di antara kemudahan yang terdapat di kawasan-kawasan pedalaman dengan kawasan-kawasan di dalam bandar.

Dalam bandar anak-anak kita sekarang ini sudah didedahkan dengan pendidikan komputer, saya duduk di bandar, jadi saya tahu. Saya tanya ustazah, dia kata di luar bandar, seperti di Kelantan anak-anak yang belajar di kelas Kemas adakah dibekalkan dengan komputer ataupun tidak? Tetapi jawapannya 'tidak ada' belum ada bekalan. Jadi besok akan berlakulah satu gap, anak-anak di dalam kawasan bandar akan lebih advance, tetapi anak-anak di kawasan luar bandar akan lebih ketinggalan dan secara kebetulan pula yang di bandar kebanyakannya orang Cina atau orang bangsa asing dan bukan bangsa Melayu. Tetapi di bandar kebanyakan orang Melayu, maka usaha untuk kita menyatupadukan rakyat untuk masa depan terbantut lagi sekali. Jadi, saya berharap dalam kita meluluskan peruntukan-peruntukan ini kerajaan kita akan melihat perkara-perkara ini.

Soal bekalan elektrik di sekolah-sekolah luar bandar. Saya terbaca baru-baru ini IPP (Independent Power Producers) pun sudah excess power, sudah lebih kuasa yang dibekalkan sehingga ke tahun 2000 yang akan datang.

Saya berharap juga IPP akan memainkan peranan sosial mereka. Mereka juga akan membekalkan elektrik ke sekolah-sekolah. Saya pun tidak faham kenapa sekolah-sekolah luar bandar ini terutamanya di kawasan pedalaman susah sangat, adakah kerana kita kekurangan tenaga elektrik. Dari laporan IPP yang mendapat untung berlipat kali ganda dengan sekelip mata kadangkala sudah mendapat keuntungan yang tinggi, adakah mereka ini juga tidak kita kehendaki mereka terlibat sama untuk membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar.

Kita bercakap di luar secara global, Perdana Menteri kita pergi ke luar negara, kita bangga dengan sambutan di luar negara, keluar dalam *TIMES Magazine* - muka hadapan, bukanlah mudah, tetapi pada masa yang sama kita juga dengar keluhan-keluhan, di Dewan ini pun kita dengar ramai wakil rakyat atau ahli-ahli Parlimen daripada Sabah, Sarawak, malah di Semenanjung pun, saya percaya, tentang kekurangan-kekurangan ini.

Saya berharap pihak Kementerian Kewangan akan memberikan peruntukan-peruntukan yang selebihnya dan melihat masalah-masalah ini. Sudah habis Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh sambung besok, ya.

Sekarang ditangguhkan mesyuarat kita sehingga, esok jam 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***